

Husayn bin Ali'AS – Cucunda Rasulullah 'S.A.W.A [Buku ini adalah hasil karya dan hak cipta kepada Ustaz Fadzlullah Shuib, Pustaka Warisan, Kuala Lumpur, 1989]

PENDAHULUAN

Assalamu'alaikum warahmatüLlahiwabarakatuh.

Segala puji bagi Allah Tuhan Yang Memelihara sekalian alam, selawat dan salam kepada Rasulullah s. 'a.w. dan ahli keluarganya Do'a dan munajat kami pohonkan kepada Allah 'azza wajallah bahwa dengan kelahiran karya mengenai Imam al-Husayn a.s. ini akan memperbanyak lagi bahan rujukan dalam bahasa Melayu mengenai Rasulullah s.'a.w. dan para Imam dan kalangan ahli al-Bayt. Sasaran pokok kami ialah di samping pengisytiharan kita kaum muslimin bahwa Muhammad Rasulullah s.'a.w. sebagai pesuruh Allah dan Imam Umat Islam kita juga turut menerima kepemimpinan zuriat keturunannya seperti cucundanya Imam al-Hassan dan al-Husayn 'a.s. Lebih jauh dari itu dengan penulisan sejarah mengenai mereka terlalu sedikit dilakukan dalam bahasa ibunda kita iaitu bahasa Melayu.

Sebenarnya persoalan dasar dalam karya ini menitikberatkan tentang pergerakan Islam dan revolusi Islam yang didokong oleh Imam al-Husayn s.a. Malah pada hemat kami revolusi Islam Al-Husayn yang dipanggil KARBALA dan 'Asyura merupakan kesinambungan dari revolusi Islam yang dilancarkan oleh datuknya Muhammad Rasulullah s.'a.w. Pendek kata al-Husayn 'a.s. benar-benar mengbayati konsep jihad dan syahid yang diistiharkan oleh Al-Quran dan Sunnah Rasulullah s. 'aw. Malah jihad dan syahid merupakan wasilah atau landasan yang syar'iyah dan direndah Allah S.W.T. dalam memperjuangkan Islam. Lebih jauh dari itu al-Husayn r.a. telah menekankan bahwa revolusinya menentang pemerintah Thaghut Yazid adalah bertujuan untuk mengembalikan kehidupan Islam dan menghidupkan semula SUNNAH Rasulullah s. 'a.w.

Revolusi Islam al-Husayn 'a.s. yang merupakan cucunda kesayangan Rasulullah s.'a.w. putera Ali bin Abu Talib 'a.s dan Fatimah 'a.s itu telah membawa pengaruh yang besar kepada jihad fi sabilillah dan perjuangan umat Islam. Seruan utama dari revolusi KARBALA ialah setiap bumi Allah ini adalah bumi Karbala yang mengorbankan darah para syuhada Islam dan setiap hari adalah Ashura yakni hari yang kesepuluh dari bulan Muharram yang membawa pengertian yang mengisytiharkan kepemimpinan pilihan Allah Muhammad Rasulullah s.'a.w. Inspirasi ini juga yang meniupkan semangat jihad umat Islam di Iran bangsa Salman al-Farsi yang dengan jayanya di atas pertolongan Allah menegakkan Negara Islam Iran dan menghancurkan regim Monarki Shah yang zalim serta yang didokong oleh kuasa super (besar) Amerika. Dan insyaallah dengan inspirasi ini juga kita melangkah dalam perjuangan menegakkan syariat Islam yang diturunkan oleh Allah dan dibawa oleh Rasulullah s. 'a.w. di mana-mana juga kita berada.

Perjuangan Islam tidak boleh berlingkar dalam sistem jahiliyah yang sekular dan tidak boleh tunduk dengan tuntutan kebendaan. Ini disebabkan kehidupan kita yang hakiki ialah kehidupan akhirat yang dijanjikan oleh Allah kejayaan dan kemenangan kepada HIZBULLAH (Golongan Islam). Kematian di dunia menurut Rasulullah s.'a.w. dan cucundanya al-Husayn 'a.s. ialah bermulanya kehidupan yang hakiki itu. Rasulullah s.'a.w. menegaskan yang bererti Demi Allah yang nyawaku ditangan Nyabahnya kematian kerana ta'at kepada Allah lebih baik dari hidup dalam maksiat kepada Allah. Manakala al-Husayn a.s. menegaskan ketika beliau melihat kemungkinan dan penyelewengan.

"Kehidupan ku lihat penuh dengan duri, dan panggilan maut melambatkan kedatangan ku dengan penuh kerinduan... alangkah jika manusia menyadari bahwa harta yang disyangi itu

akanberpisah dari dirinya nescaya mereka akan membelanjakan harta itu pada jalan Allah dan alangkah jika manusia insaf bahawa nyawa yang dicintainya akan berpisah dari jasadnya nescaya mereka akan sanggup mati dicincang pada jalan Allah”...

Demikianlah betapa segarnya konsep kehidupan menurut ajaran Islam dan di sinilah kekuatan roh jihad dalam Islam apabila paramujahidnya menganggap kematian di dunia sebagai nikmat bagi mereka untuk kembali menemui keredhaan Allah. Kecintaan kepada mati inilah yang membangkitkan perjuangan Islam, apabila kita menganggap kehidupan di dunia ini hanyalah suatu permainan dan sementara maka demi menegakkan Islam kita sanggup mengorbankan apasaja yang kita miliki termasuk harta dan nyawa sekalipun. Inilah jejak langkah Imam besar Umat Islam al-Husayn cucunda Nabi Agung Islam Muhammad s. 'a.w.

Sebagaimana Allah menyatakan dalam al-Quran bahawa kematian syahid dalam perjuangan Islam adalah kehidupan yang sentiasa mendapat rezki dari Allah. Malah kebudayaan syahid itu sendiri sebagai suatu kehidupan yang segardani mekar demi menegakkan hukum-hukum Allah di atas bumi ciptaanNya. Seandainya budaya syahid itu mati dan berkubur tanpa nesan dalam kehidupan umat Islam maka lumpuh dan lenyaplah kekuatan Islam dan jihad. Dengan itu kebudayaan umat Islam diganti dengan kecintaan kepada dunia dan kebendaan dan takut mati. Menurut Nabi besar kita Muhammad bin Abdullah s.'a.w. kebudayaan cinta dunia (materialisme) itu akan mencampakkan umat Islam ke lembah kecelakaan, kehancuran dan kernunduran. Inilah yang sedang menimpa kita dan barangkali sedang melanda ke dalam kehidupan golongan yang mendakwa mereka sebagai pejuang Islam, sebab itulah bertindak dan berfikir secara materialisme dan sekular dalam usaha memperjuangkan Islam.

Bingkisan karya mengenai Saidina al-Husayn bin Ali a.s. ini merupakan siri kedua pihak kami mengenai keluarga Rasulullah s. 'a.w. selepas karya mengenai Imam Ali bin al-Husayn Zainal Abidin. Mudah-mudahan buku ini ditatapi dengan penuh keikhlasan dan tentunya masih terdapat banyak kelemahan susunan dari pihak kami sebagai hamba Allah s.w.t. serba da'if ini. Do'a kami semoga Allah memasukkan kedalam had kita dengan kesabaran dalam memperjuangkan Islam dan memperkuat langkah-langkah kita demi menumpaskan pihak kafir (musuh Allah), mudah-mudahan juga Allah mengurniakan kepada kita kecintaan untuk mad syahid dan membelanjakan harta benda kita pada jalan menegakkan agama Allah. **Amin.**

Fadzlullah Shuib
Kuala Lumpur.

BAB 1 KELAHIRAN YANG DIBERKATI

Setahun selepas keputeraan Imam al-Hassan bin Ali bin Abu Talib 'a.s. iaitu pada hari ketiga bulan Sya'aban tahun keempat hijrah telah datang khabar penuh gembira kepada Rasulullah s.'a.w dengan kelahiran cucundanya al-Husayn putera Fatimahaz-Zahra 'a.s. Setelah menerima berita itu lantas bersegeralah Rasulullah s.'a.w menuju ke rumah Fatimah dan Ali v.a. Sesampainya junjungan s.'a.w. ke sana lantas bersabda kepada Asma' binti 'Amis; Wahai Asma' berikanlah cucundaku itu kepadaku, lalu Rasulullah s.'a.w. memangku al-Husayn dan diletakkan di atas hamparan putih dan dengan penuh kesukacitaan Rasulullah s.'a.w. mengucup bayi itu dan melaungkan azan ditelinga kanan bayi yang mulia dan iqamat ditelinga kirinya dengan penuh kesukacitaan Rasulullah s.'a.w. meletakkan bayi itu di atas pangkuannya lalu menangis sehingga Asma' pun bertanya; Mengapa dikau menangis wahai Rasulullah? Sabda Rasulullah s.'a.w. Aku menangis kerana cucunda aku ini. Lantas Asma' bertanya Inilah bayi yang dilahirkan kenapada masanya. Rasulullah s.'a.w. bersabda lagi; Wahai Asma'! Cucundaku ini akan dibunuh oleh satu kumpulan penderhaka selepas kewafatanku dan mereka itu tidak akan memperoleh syafa'atku.

Rasulullah s. 'a.w. menyambung lagi Wahai Asma'janganlah berita ini disampaikan kepada puteriku Fatimah kerana ini merupakan satu peristiwa yang dijanjikan pada masa kelahirannya [Dirujuk dari kitab 'I'lam al-Wara bi 'I'lam al-Huda karangan at-Tibrasi, bab Keutamaan Imam Abu Abdullah al-Husayn cetakan tahun 1379, hlm. 217]

Berikutnya Rasulullah s.'a.w. menemui Imam Ali bin Abu Talib r.d., ayahanda kepada Al-Husayn lantas bersabda kepadanya; Apakah yang ingin dinamakan cucundaku ini? Lalu Imam Ali as. menjawab; Aku tidak akan mendahului dikau dalam menamakannya wahai Rasulullah s.'a.w. Dengan peristiwaini lalu turunlah wahyu yang suci ke atas kekasih Allah Muhammad s. a.w yang membawa nama kepadanya daripada Allah Azza wajalla, lantas Rasulullah s.'a.w. bersabda kepada Imam Ali as.: Dinamakan dia Husayn.

Pada hari ketujuh selepas keputeraan al-Husayn bersegera pula Rasulullah s.'a.w. pergi ke rumah puteranya az-Zahra 'a.s. Di sana jun- jungan menyembelih seekor kambing untuk al-Husayn 'a.s. dan mencukur rambut cucundanya itu serta memberi sedekah perak sebanyak rambutnya itu. Demikian peristiwa kelahiran al-Husayn 'a.s. sebagaimana saudaranya al-Hasan 'a.s. yang merupakan cucunda kepada Nabi Besar Islam Muhammad s. 'a.w. [Asy'at min hayat al-Hasan bin Ali 'a.s diterbitkan oleh Dar At-Tauhid]

BAB 2 KEDUDUKAN AL-HUSAYN 'A.S.

Al-Husayn 'as. yang bergelar Abu Abdullah itu memiliki maqam serta kedudukan yang agong. Kedudukannya yang demikian agong itu hanya boleh disaingi oleh ayahandanya Imam Ali bin Abu Talib r.d., bondanya Saidatina Fatimah az-Zahra 'a.s. dan para imam-- imam dari zuriat Rasulullah s. 'a.w. Adalah sukar bagi parasejarawan untuk merakamkan kedudukan al-Husayn 'as. dari sudut pandangan Islam. Mereka hanya mungkin terdaya mengkaji kebesaran maqam Imam al-Husayn 'a.s. yang menjadi pemimpin para syuhada' itu dari kacamata syari'at Islamiah semata-mata.

Al-Qur'an al-karim sendiri yang merupakan kalam 'Allah yang sentiasa nienegakkan kebenaran telah merumuskan secara terang ben- derang mengenai kedudukan ahli al-Bayt atau keluarga rumahtangga Rasulullah s.'a.w. yang diwakili oleh Al-Husayn 'a.s.: Allah berfirman dalam surah al-Ahzab ayat 33:

Ertinya: "Hanyasanya Allah ingin menghapuskan segala kekejian dari kamu (wahai) ahli al-Bayt Rasulullah s.'a.w. dan menyucikan secara semurninya." [Boleh dirujuk di dalam kitab Sahih Muslim, Bab Fadha'il as-Sahabah atau Sahih Tirmidzi, Juz' 2 atau Musnad Ahmad bin Hanbal dan al-Hakim Naisaburi dalam kitabnya Mustadrak]

Para ahli hadith telah merumuskan sebab-sebab turunnya ayat di atas adalah sehubungan dengan do'a Rasulullah S. 'a.w. yang dipanggil kisa'. Rasulullah s.'a.w. menunjukan do'anya itu terhadap Saidina Ali, Saidatina Fatimah dan kedua-dua puteranya al-Hasan 'a.s. dan al-Husayn 'a.s. Maksud do'a tersebut ialah; Ya

Allah merekahlah Ahl Baytku (ahli rumahtanggaku), olehitu hapuskanlah kekejian dari mereka dan sucikanlah mereka dengan sebenar-benarnya.)

Ayat tersebut diturunkan bersempenanadengan do'a itu.Selanjutnya ayat yang penuhkeberkatan in menandakan penyaksian daripada Allah s.w.t. sendiri berhubung dengan kesucian ahl Bayt 'a.s. Rasulallah s. 'a.w. serta ketinggian maqam dan kedudukan mereka menurutkacamata Islam.

Suatu lagi ayat al-Qur'anyang menyatakan ketinggian martabat ahl bayt atau ahli rumahtangga RasulallahS. 'a.u. yang diwakili oleh al-Imamal-Husayn 'a.S. ialah ayat Mubahilah(Sanggahan terhadap pendustaan orang-orang kafir) Allah s.w.t. telah berfirman di dalam surah 'Ali Imran ayat 61:

Ertinya:"Barangsiapa membantahmu tentangnya (kisah Nabi Isa 'a.s.)sesudah datang ilmu (yang meyakinkankamu), maka katakanlah kepadanya; "Marilah kita memanggil anak-anak kami, dananak-anak kamu, isteri-isteri (perempuan) kami dan perempuan-perempuan kamu,diri-diri kami dan diri-diri kamu; kemudian marilah kita bermubahalah kepadaAllah dan kita minta supaya laknat Allah ditimpakan kepada orang-orang yangdusta."

Dalammembicarakan sebab-sebab turunnya ayat ini, para ahli tafsir telah berpendapat yang selaras dengan pandanganpara ulama lainnya, bahawasanya ayat ini turun ketika mana kaum Nasara dariNajran telah bersetuju untuk menemui Rasulullah s.'a.w untuk bermubahalah ataumembuktikan kebenaran dengan Allah S.W.T. Demi untuk bermubahalah danmembuktikan kebenaran risalah yang dibawanya lantas Rasulullah s. 'a.w telahkeluar menemui orang-orang Nasrani itu bersama Ahl Baytnya 'a.s.[\[Perkara ini boleh dirujuk dalam kumpulan hadith-hadith sahih yang enam bab Fadha'ilal-Khamsah, boleh juga dirujuk dalam tafsir Az-Zamakhshari, dan Imam FakhurRazi serta Ad-Dar Manthur oleh al-Suyuti\]](#)Mereka terdiri daricucunda-cucundanya yang dikasihi iaitu al-Hasan dan al-Husayn 'a.s puterinyaFatimah az-Zahra 'a.s yang berjalan di belakangnya dan saudaranya sertamenantunya Imam Ali bin Abu Talib 'a.s yang berjalan di belakang mereka.

LaluNabi s. 'a.w bersabda: Apabila aku menyeru kamu semua hendaklah beriman.....Akantetapi setelah orang-orang Nasara itu melihat wajah-wajah ahl Bayt Rasulallahs. 'a.w yang suci murni dan hebat itu menyebabkan jiwa mereka menjadi goncangdan meminta supaya Rasulullah s. 'a.w membatalkan tindakan mubahalah(pembuktian kebenaran dan la'nat Allah). Berikutnya mereka menerima dan taat terhadap pemerintahan Rasulullah s. 'a.w dan mereka membayar jizyah kepadapemerintahan Madinah.

Didalam ayat tersebut anda akandapat melihat bahawadiibaratkan Imam Hasan dan Husayn 'a.s sebagai anak-anak (Abna'), sedangkanNabi Muhammad s. 'a.w dan Imam 'Ali bin Abu Talib 'a.s sebagai diri-diri kami(Anfusana). Adapun Fatimah az-Zahra diibaratkan sebagai mewakili wanita Islam seluruhnya dengan

lafaz (Nisa'ana). Berdasarkan ayat tersebut dan huraian yang jelas itu telah memaparkan kepada kita mengenai ketinggian maqam dan kedudukan Ahl Bayt Rasulullah s. 'a.w sehingga apabila Rasulullah s. 'a.w ingin membuktikan kebenaran ajaran Islam dan konsep Isa al-Masih menurut al-Qur'an lantas Rasulullah s. 'a.w mengajak keempat-empat Ahl Baytnya iaitu Hasan dan Husayn 'a.s serta Ali 'a.s dan Fatimah az-Zahra, untuk berdepan dengan orang-orang nasrani (kristian) dari Najran itu.

Gambar ketinggian darjat ahli keluarga Rasulullah s. 'a.w juga dapat diperhatikan didalam ayat 23 Surah asy-Syura firman Allah, bermaksud:

"Katakanlah, aku tidak meminta kepadamu sesuatu upahpun atas seruanku kecuali kasih sayang kepada keluarga yang terdekat (Ahl Bayt Rasulullah s. 'a.w)."

Para ulama tafsir berpendapat bahawa ayat tersebut turun berhubung dengan Ali, Fatimah, Hasan dan Husayn 'a.s. Menurut riwayat seorang sahabat yang bernama Jabir bin Abdullah r.d katanya, seorang Arab telah datang kepada Rasulullah s. 'a.w lantas berkata, wahai Muhammad, kemukakan kepada saya apakah sebenarnya Islam itu? Lalu Rasulullah s. 'a.w bersabda; Engkau hendaklah bersaksi bahawasanya Tiada Tuhan melainkan Allah yang Maha Esa dan tidak ada sekutu bagiNya dan bahawasanya Nabi Muhammad itu adalah hambaNya dan rasulNya." Orang Arab itu bertanya lagi, apakah upahnya ke atas perkara itu? Rasulullah s. 'a.w bersabda, Tidak ada upahnya melainkan engkau memberikan kasih sayangmu kepada ahli keluargamu yang terdekat. Bertanya lagi lelaki itu: "Keluarga akukah ataupun keluargamu? Seterusnya Rasulullah s. 'a.w bersabda: Keluargaku. Berikutnya lelaki itu berkata; Datanglah aku ingin memberi bai'ah (taat setiaku) kepadamu, dan barang siapa yang tidak mengasihimu dan tidak mengasihikumu kerabatmu yang terdekat nescaya akan menerimalaknat Allah. Rasulullah s. 'a.w mengaminkan do'a lelaki tersebut.

Menurut kitab Musnad Imam Ahmad bin Hanbal, Sahih Bukhari dan Muslim, Kitabath-Tha'labi dan Tafsir At-Tibrasi yang kesemuanya meriwayatkan dari Abdullah bin al-Abbas r.d yang berkata bahawasanya ketika turun ayat tersebut maka para sahabat bertanya kepada Rasulullah s. 'a.w; Wahai Rasulullah siapakah kerabatmu yang terdekat yang wajib kamicurahkan kasih sayang kepada mereka. Sabda Rasulullah s. 'a.w; Mereka ialah Ali, Fatimah dan kedua-dua putera mereka al-Hasan dan al-Husayn 'a.s.

Beraskan keterangan tersebut amat nyata dan jelas tentang kedudukan Imam al-Husayn dan Ahl Bayt 'a.s yang sedemikian tinggi di sisi Allah 'Azza wa Jalla. Berikut ini akan dibentangkan pulasikap dan pendirian Rasulullah sebagai datuk kepada al-Husayn terhadap cucundanya yang tercinta itu. Tegasnya akan dikemukakan kedudukan Imam Husayn menurut Sunnah Rasulullah s. 'a.w:

1. Menurut kitab Sahih at-Tirmidzi yang memetik riwayat dari Ya'la bin Murrah yang berkata; Rasulullah s. 'a.w. telah bersabda yang bermaksud Husayn daripadaku dan aku pula daripada Husayn, Allah mencintai sesiapa yang mencintai al-Husayn, adapun al-Husayn zuriat keturunanku putera kepada puteriku (az-Zahra).
2. Seorang sahabat Rasulullah s. 'a.w. telah bersabda bermaksud, al-Hasan dan al-Husayn adalah cucundaku, sesiapa yang mengasihi kedua-duanya maka mereka mengasihiku dan sesiapa yang mengasihiku maka ia telah mengasihi Allah dan sesiapa yang mengasihi Allah maka ia akan dimasukkan ke dalam syurga; Dan sesiapa yang memusuhi kedua-duanya maka ia telah memusuhi Allah, dan barang sesiapa memusuhi Allah maka ia akan dicampakkan ke dalam api neraka mukanya akan terlempar dahulu. [Lihat kitab *l'lam al-Wara, at-Tibrasi bab Fadhail as-Sabtin, m.s. 219*]
3. Seorang sahabat yang bernama al-Barra' bin 'Azib berkata; Aku telah melihat Rasulullah s. 'a.w. mendokong al-Husayn cucundanya yang masih kecil dan meletakkan di atas pangkuannya seraya berdoa yang bermaksud; Ya Allah sesungguhnya aku mengasihinya oleh itu kasihilah dia.
4. Manakala Abdullah bin Mas'ud r.a. pula berkata; Sesungguhnya Rasulullah s. 'a.w. pernah bersabda mengenai al-Hasan dan al-Husayn 'a.s; Inilah kedua-dua cucundaku! Sesiapa yang mencintai kedua-duanya maka ia mencintaiku dan sesiapa membenci kedua-duanya maka sesungguhnya ia membenciku.
5. Putera al-Husayn yang bernama Ali Zainal 'Abidin pula meriwayatkan dari bapa dan datuknya, katanya bahawasanya Rasulullah s. 'a.w. telah mengangkat tangan al-Hasan dan al-Husayn dan bersabda; sesiapa yang mencintaiku maka hendaklah ia mencintai kedua-duanya akan menyertai pada hari Qiamat. [Sila rujuk kitab *Tazkiratul Khawas karangan Ibn al-Juzi, Bab Mencintai Rasulullah dan al-Hasan dan al-Husayn*]

BAB 3

KEMURNIAN PERIBADI AL-HUSAYN 'A.S

Tidak dapat disangkal lagi bahawa kedua cucunda Rasulullah s. 'a.w al-Hasan dan al-Husayn 'a.s telah membesar dan terasuh pada satu tahap yang dipersiapkan oleh Allah 'Azza wa Jalla. Ini disebabkan mereka akan menghadapi tugas yang besar untuk memimpin umat Islam dan seluruh dunia selepas kewafatan datuk mereka Rasulullah s. 'a.w. Mereka juga berperanan besar untuk menegakkan dakwah dan risalah Islam sebagai lanjutan peranan Rasulullah s. 'a.w. Pendek kata kedua-dua putera Fatimah az-Zahra ini telah melalui suatu proses tarbiyah dan asuhan kerohanian dan pemikiran di bawah naungan nenda mereka Nabi Muhammad s. 'a.w dan kedua-dua ibu bapa mereka yang tercinta Imam Ali bin Abu Talib 'a.s dan Fatimah az-Zahra binti Rasulullah s. 'a.w.

Oleh yang demikian kemurnian peribadi cucunda Rasul Islam yang agong s. 'a.w. itu menjadi sebatian dan sepadu dengan risalah Allah Tabaraka wa Ta'ala. Lebih-lebih lagi sekiranya kita tinjau dari sudut aliran pemikiran mereka, tindakan dan perjuangan mereka yang agong. Disini akan dibentangkan beberapa gambaran mengenai keperibadian as-Syahid Imam al-Husayn 'a.s. yang disoroti dari aspek pemikiran, ideologi, keohanian dan amalan-amalannya.

Hubungan Imam al-Husayn 'a.s. dengan Allah SWT

Di sini pihak kami dengan batasan kemampuan yang ada ingin membentangkan secara menyeluruh bagaimana mendalamnya hubungan al-Husayn 'a.s., pemimpin para Syuhada ini dengan Tuhannya yang dirindunya. Keperibadiannya dan sudut kerohanian beliau ini boleh dikaitkan dengan asuhan datuknya Rasulullah s. 'a.w. dan kedua-dua orang tuannya yang suci. Malah keperibadian ketiga-tiga pengasuhnya itu terpancar nyata pada keperibadian al-Husayn 'a.s.

Pernah pada suatu hari beliau ditanya oleh seseorang; Apakah yang menyebabkan engkau sedemikian takut kepada Allah? Lantas Imam berkata; Seseorang itu tidak akan mencapai kesejahteraan pada hari qiamat melainkan bagi mereka yang benar-benar takut kepada Allah di dunia.

Pada suatu ketika yang lain Imam al-Husayn 'a.s. dilihat sedang mengambil wudhu' untuk bersembahyang lalu didapati berubah air mukanya dan menggeletar seluruh jari-jarinya, lalu seseorang bertanya mengenai keadaan yang demikian itu. Berikutnya Imam berkata; Inilah hak bagi sesiapa yang menyedari Allah yang Maha Perkasa menguasai kedua-dua tangannya nescaya ia akan menghadapi keadaan berubah air mukanya dan menggeletar jari-jarinya

Untuk melihat dengan lebih nyata perihal mendalamnya hubungan al-Husayn 'a.s. dengan Allah ialah dengan memerhatikan kebesaran peribadinya pada peristiwa KARBALA yang menghawa kepada kesyahidanriya. Pada malam kesepuluh bulan Muharrām yang suci (Asyura) Imam al-Husayn 'a.s. yang sedang dikepung oleh tentera Bani Umayyah telah memintamereka membenarkannya dalam detik terakhir dari kehidupannya untuk melakukan sesuatu. Katanya; Sungguhnyakami ingin menunaikansembahyang dan berdo'a pada Tuhan kami pada malam ini serta ingin benar kamimemohon ampun kepadaNya. Kerana sesungguhnya Dia (Allah) amat mengetahui bahawa aku amat rindu untuk scmbahyang kepadaNya, membaca kitabNya serta memperbanyakkan do'a dan istighfar.

Malah dalam detik-detik terakhir hayatnya Imam al-Husayn 'a.s. masih sempat bersembahyang zuhur pada siang hari di Padang Karhala dan meminta kepada para penyerang memberinya kesempatan untuk berdo'a dan bermunajat kepada Allah. Inilah jalan hidup yang dilalui oleh imam umat Islam, cucunda kepada Rasulullah s. 'a.w. yang tercinta. Lihatlah bagaimana kuatnya kerinduan dan keasyikan Imam al-Husayn 'a.s. kepada Khaliknya, pencipta dan pen- didiknya.

Antara do'a yang sering dikumandangkan oleh beliau adalah sebagaimana berikut:

"Ya Allah! Kurniakanlah kepadaku kerinduan dan kecintaan pada akhirat, sehingga aku mengenali kebenarannya di dalam hatiku dengan timbulnya rasa zuhud terhadap keseronokan duniaku. Ya Allah! Kurniakanlah kepadaku melihat dengannya segala urusan akhirat sehingga aku menuntut kebaikan-kebaikannya secara bersungguh-sungguh dan hindarilah diriku dari kejahatan dengan penuh perasaantakut untuk melakukannya..... Ya Rabbi....."

Inilah sebahagian daripada kenyataan hubungankeroohanian di antara al-Husayn 'a.s dengan Tuhannya SWT dan ekoran dari hubungan ini kami akan membentangkan pula keterampilan dan kecemerlangan pergerakan revolusi al-Husayn 'a.s, pengorbanannya untuk menegakkan Islam, dan kesatriannya dalam menegakkan konsep jihad Islam yang sebenar-benarnya pada jalan Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

Hubungan Imam Husayn 'a.s dengan manusia

Seandainya kita ingin mendalami aspek akhlak dari keperibadian Imam al-Husayn 'a.s maka amatlah wajar kita melihatnya dari segi perhubungan timbal balas beliau dengan umat manusia yang ditinjau dari berbagai suasana berasaskan bahawa beliau menjadi suri teladan kepada umat. Bolehlah dikatakan bahawa keperibadian al-Husayn 'a.s dari sudut ini sebagaimana juga yang dilalui oleh para Imam umat Islam yang lain yang mana perhubungan dengan manusia dibataskan oleh perundangan Allah SWT. Dengan kata-kata lain pelaksanaan amalan hidup beliau ini tergambar secara nyata dalam dunia kenyataan.

Sungguhpun begitu di sini akan disoroti sebahagian dari aspek akhlak al-Imam yang memaparkan ketinggian budi pekertinya.

Merendahkan diri

Apabila beliau melalui suatu perhimpunan orang-orang faqir miskin yang sedang menjamu makanan, lantas beliau memberi salam ke atas mereka. Berikutnya orang-orang faqir tadi menjemputnya untuk makan bersama mereka, lalu Imam al-Husayn 'a.s duduk bersama mereka dan berkata; Kalau lah makanan ini tidak merupakan sedekah dari orang ramai nescaya aku akan makan bersama anda semua. Kemudian beliau berkata; Silalah datang ke rumah saya, lantas kesemua mereka berpergian ke rumah al-Husayn 'a.s dan menikmati jamuan yang lazat serta mereka dilayani dengan sewajarnya.

Pendek kata di luar kemampuan kami untuk membentangkan secara terperinci tentang sifat merendah diri, tawadhu' dan ketinggian budi al-Husayn 'a.s. Namun begitu boleh dikatakan beliau telah mencapai tahap tertinggi sebagai pemimpin umat, sumber rujukan pemikiran dan perjuangan umat Islam

sebagaimana yang telah digariskan oleh nas-nas al-Qur'andan hadith-hadith Rasulullah s. 'a.w.

Adapun pencapaian yang tertinggi di dalam masyarakat sezamannya tidak mampu disaingi oleh tokoh-tokoh lain, walaupun oleh saudaranya Abdullah bin Abbas sekalipun yang lebih tua darinya. Malah Ibn Abbas menghormati kedudukan al-Husayn 'a.s sehingga ia menarik tali tunggangan yang ditunggangi oleh al-Husayn 'a.s sebagai tanda penghormatan dan kasih sayang.

Adapun kecintaan masyarakat Islam dan penghormatan mereka kepada al-Husayn 'a.s dapat dilihat ketika mana beliau sedang menunggangkenderaannya untuk menunaikan fardhu haji di Mekah maka orang ramai telah turundari kenderaan masing-masing untuk menyatakan penghormatan mereka kepada cucunda Rasulullah 's.a.w. Secara ringkas boleh dikatakan kemuliaan martabat beliau terletak kepada sikap merendahkan dirinya sehingga boleh bergaul dengan masyarakat yang paling sederhana pada zaman itu. Inilah jalan hidup seorang zahid yang dituntut oleh Islam. Contoh yang paling dekat jika kita perhatikan bagaimana pada suatu ketika al-Husayn 'a.s melalui suatu perhimpunan orang-orang miskin yang sedang menghadapi makanan mereka mengajak beliau makan bersama lantas al-Imam turundari kenderaannya dan makan bersama mereka seraya berkata; Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbesar diri. Al-Husayn 'a.s menyatakan lagi; Sesungguhnya aku telah menerima pelawaan anda maka terimalah pula pelawaan ku. Mereka berkata; Boleh! Lalu mereka semua diajak ke rumahnya dan menjemput mereka dengan katanya; Masuklah anda ke dalamnya dengan penuh kelapangan.

Satu contoh lagi mengenai peranan positif beliau didalam masyarakat tergambar nyata dari keterangan Syu'aib bin Abdul Rahmankatanya; Pada suatu hari didapati suatu beban yang berat di atas bahu al-Husayn bin Ali, lantas orang bertanya puteranya Zainal Abidin mengenainya. Kata beliau; Inilah tugas yang mesti dilaksanakan bagi sesiapa yang memikul bebanan untuk meringankan penderitaan yang dibawa ke rumah-rumah golongan miskin, yang terlantar dan anak-anak yatim.

Inilah gambaran tanggungjawab sosial Imam al-Husayn 'a.s yang mengisyaratkan ketinggian darjatnya di dalam masyarakat.

Al-Husayn 'a.s Seorang Pemaaf

Pada suatu hari seorang budak yang melakukan kesilapannya kepada al-Husayn 'a.s telah berkata kepadanya: Wahai Tuan! Dan orang-orang yang menahan amarahnya (Firman Allah Surah Ali Imran: 134). Imam al-Husayn 'a.s berkata; Terhindarlah aku daripadanya. Lantas budak itu berkata;.....Dan orang-orang memaafkan (kesalahan) orang. Imam berkata; Aku telah memaafkan dikau. Budak itu berkata: Wahai Tuan! Dan Allah menyukai golongan yang berbuat baik. Lalu Imam berkata kepada khadamnya itu; Dan anda dimerdekan kerana

Allah, jika anda kekurangan sesuatu bolehkah akumenolongmu. [\[Sumber Kasyful Ghimmah, Juzu' 2, hlm. 241\]](#)

Keindahan Jalan Pemikiran Al-Imam

Jalan pemikiran dan minhaj yang dilalui oleh al-Imam ialah jalan yang disyariatkan oleh Allah, perhatikan dialog beliau dengan penentangannya dari puak Khawarij iaitu Nafi' bin al-Azraq yang berkata dengan angkuh kepadanya; "Sifatkanlah aku ini sebagai Tuhanmu yang disembah olehmu!" Dengan penuh kebijaksanaan dan diplomasi al-Husayn 'a.s menyatakan; Wahai Nafi'! Sesiapa yang meletakkan agamanya di atas jalan kias, maka ia tidak akan mencapai apa-apa faedahpun, ianya kosong tanpa jalan yang terang, terlonta-lonta tanpa pedoman, sesat kehilangan arah tujuan, berkata-kata tanpa keindahan, Wahai Putera al-Azraq! Sifatkanlah Ilahi Allah sebagaimana Dia menyifatkan diriNya, Dia tidak boleh dicapai dengan pancaindera, dan tidak boleh dikiaskan atau dibandingkan, yang terlalu dekat tanpa boleh disentuh, dan yang terlalu jauh tanpa hujungnya, Dia Maha Esa tanpa memiliki bahagian, dikenaliNya berdasarkan tanda-tanda ciptaanNya, yang boleh disifatkanNya dengan alamat-alamat dari makhlukNya, Tiada Tuhan Yang Layak disembah melainkan Dia yang Maha Besar lagi Maha Melaksanakan...."

Mendengar ucapan al-Husayn 'a.s itu Ibn al-Azraq menangis tersedu-sedu tanda penyesalannya yang tiada taranya seraya berkata; Alangkah indahny kata-katamu! [\[Lihat tulisan Abu 'Ilm Ahl Bayt, Bab Keilmuan, Kefasihan dan Ketinggian pidatonya\]](#)

Dalam perjalanannya menuju Karbala', al-Imam mengungkapkan ucapannya yang menggariskan pendirian dan sikapnya untuk menegakkan kebenaran Islam, demi menentang kezaliman dan penipuan politik musuhnya yang durjana Yazid bin Muawiyah. Dengarlah kata-kata al-Imam Husayn 'a.s; "Sesungguhnya dunia ini telah berubah dan mengingkari haq, kebenaran telah ditinggalkan, tidak ada lagi yang tinggal padanya melainkan semut-semut dibekas-bekas makanan. Demikianlah tandusnya kehidupan sebagai penggembala kehilangan ternakannya. Tidakkah anda melihat kebenaran dan kenapakah tidak melaksanakannya? Akan tetapi kebatilan dan kejahatan mengapa tidak boleh dihentikan..... untuk menggembirakan seorang beriman dalam pertemuan dengan Allah..... ianya suatu kepastian. Sesungguhnya aku tidak melihat kematian, dan maut yang mendatang melainkan dengan penuh kebahagiaan, hidupku bersama dengansalim bagaikan duri yang menikam serta api yang membakar. Sesungguhnya manusia telah menjadi hamba dunia dan agama hanya berputar di lidah-lidah mereka, demikian jalan kehidupan yang dijalani oleh mereka, maka apabila mereka ditimpa dugaan hidup lantas mereka berkata telah hampirnya kami kepada kematian." [\[Al-Hirani, Tuhful 'Uqul 'an Ali Rasul, Bab Apa yang ku lihat tentang al-Imam Husayn bin 'Ali, hlm. 174\]](#)

Gambaran pemikirannya mengenai ibadah dan konsep perhubungan hamba dengan Allah terlukis dengan menariknya di dalam satu rangkaian ucapannya:

“Sebenarnya suatu golongan yang beribadat kepada Allah dengan rasa sukacita dan kelapangan maka itulah ibadat para pedagang. Adapun golongan manusia yang beribadat kepada Allah dalam keadaan takut dan penuh pengharapan, maka itulah ibadat golongan hamba Allah. Adapun suatu golongan yang beribadat kepada Allah dengan rasa penuh kesyukuran maka itulah ibadat golongan yang merdeka dan inilah bentuk ibadat yang paling utama.” [Al-Hirani, Tuhful ‘Uqul ‘an Ali Rasul, Bab Apa yang kulihat tentang al-Imam Husayn bin ‘Ali, hlm. 175]

Selanjutnya perhatikanlah pendirian politik Imam al-Husayn ‘a.s ketika beliau mengupas perihal kerajaan Umayyad yang dilihat dari kaca mata Islam; “Wahai manusia sesungguhnya Rasulullah s. ‘a.w telah bersabda; sesiapa yang melihat suatu pemerintahan yang menyimpang iaitu menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah, mengingkari perjanjian dengan Allah serta menentang sunnah Rasulullah s. ‘a.w mereka pula melaksanakan perintah terhadap hamba-hamba Allah dengan membawa unsur dosa dan permusuhan, sedangkan ia tidak membuat perubahan sama ada dengan perbuatan dan perkataan, maka menjadi hak Allah untuk memasukkannya ke dalam neraka.” Berkata Imam al-Husayn ‘a.s lagi; “Ketahuilah bahawasanya mereka itu sentiasa menta’at syaitan, serta meninggalkan ketaatan kepada Allah Yang Maha Pemurah. Selanjutnya mereka melanggar undang-undang Allah, suka menyebarkan fitnah, menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah serta mengharamkan apa yang dihalalkan oleh Allah. Ketahuilah bahawa aku bertanggungjawab terhadap orang lain. Dan seterusnya aku telah difahamkan dengan perutusan kamu dan aku juga telah menerima kedatangan utusan anda semua yang menyatakan bai’at atau persetiaan kamu. Sesungguhnya mereka tidak dapat menyelamatkan aku dan tidak juga dapat memecatku. Seandainya telah sempurna bai’at kamu maka ikutilah pemikiran yang betul. Sesungguhnya aku ialah al-Husayn ‘a.s bin Ali ‘a.s yang juga putera Fatimah binti Rasulullah s. ‘a.w, diriku adalah berserta diri kamu semua, keluargaku bersama keluarga kamu. Aku adalah suri teladan bagi kamu, lalukamu semua telah mengikat perjanjian denganku dan kamu semua telah mengikat perjanjian denganku, dan kamu semua juga telah terikat untuk membai’atku. Oleh itu bagaimanakah kiranya anda semua telah mengengkar semuanya. Sesungguhnya tindakan yang demikian itu ditujukan kepada ayahandaku, saudaraku dan sepupuku Muslim bin ‘Aqil. Terpujanglah kepada kamu untuk melaksanakan persetiaan itu. Sesiapa berusaha dan beramal maka kesemua itu untuk kebaikan dirinya nescaya Allah akan mencukupkan kamu.” [Al-Hirani, Tuhful ‘Uqul ‘an Ali Rasul, Bab Apa yang kulihat tentang al-Imam Husayn bin ‘Ali, hlm. 175]

BAB 4

PERANAN DAN PERJUANGAN AL-IMAM HUSAYN ‘A.S

Dalam hal kita mengikutijepak-jejak kehidupan Al-Husayn 'a.s. nescayakita akan mengesani betapa mendalamnya peranan beliau di dalam kehidupan Islam. Lebih-lebih lagi sumbangan beliau untuk mengembalikan umat manusia ke jalan yang lurus selepas didapati tunggak pemerintahan telah beralihke tangan dinasti Umayyah yang menghancurkan konsep Khilafah dan Imamah yang murni sebagai- mana yang dikehendaki oleh syari'at Islam. Peranan yang didokongi oleh Imam al-Husayn 'a.s. sejak beliau masih muda remaja lagi iaitu ketika ayahandanya Imam Ali bin Abu Talib r.d. menegakkan pemerintahan Islam di Madinah. Imam al-Husayn 'a.s. beserta saudaranya Imam Hasan 'a.s. turut menyertai beberapa peperangan untuk menegakkan Imamah Amir al-Mu'minin Ali bin Abu Talib r.d. Umpamanya beliau menyertai tiga peperangan yang amat penting iaitu Perang Jamal, Siffin dan Nahrawan yang didokongi oleh ayahandanya Amir Mu'minin Ali, saudaranya al-Hasan dan para sahabat Rasulullah (s.'a.w.) yang cintakan ahl Bayt rasutnya serta para tabi'in radhiya Llahu'anhum.

Selanjutnya, apabila saudaranya al-Hasan memegang amanah Imamah, maka Imam al-Husayn tetap menjadi panglima tentera yang ta'at kepada saudaranya iaitu serta turut merasai pahit maungnya perjuangan yang didokongi oleh kekandanya iaitu. Seluruh peristiwa yang dilalui menjadi sempadandan pedoman baginya. Sehingga beliau turut kembalisesmula ke Madinah dari Kufah yang menjadi pusat pemerintahan ayahanda mereka. Demikianlah juga para anggota ahl Bayt 'a.s. turut menyumbangkan peranan mereka dalam menegakkan dan memprctahankan pengajaran Islam yang dibawa dan diasaskan oleh Rasulullah s. 'a.w. Sumbangan mereka yang berpengaruh itu bolehlah diperhatikan dengan perjuangan al-Husayn 'a.s. yang sanggup mengorbankan harta, nyawa dan darah untuk menegakkan syari'at Islam.

Selepas kesyahidan saudaranya Imam Hassan 'a.s. yang diracun oleh ejen-ejen musuh ahl bayt maka peranan Imam Husayn 'a.s. berada ditahap yang baru pula. Ini disebabkan era kehidupan yang dilaluinya lebih mencabar akibat Bani Umayyah semakin melampaui menentang dasar Islam terutamanya dalam bidang politik dan pemerintahan. Keadaan ini sering terjadi dikalangan Imam-imam Ahl bayt 'a.s. yang membataskan peranan mereka juga berasaskan situasi kemasyarakatan pemikiran dan suasana politik semasa. Sesungguhnya Imam al-Husayn 'a.s. telah menemui satu jalan baru yang terbentang di hadapannya untuk mengembeling harakah atau pergerakan Islam yang lebih maju dan radikal bagi menghadapi konspirasi golongan munafiq yang memegang tampuk pemerintahan pada masa itu. Pergerakan Islam semakin memerlukan tindakan yang lebih terkehadapan dan matang berikutan suasana gawat ekoran kewafatan Imam Hassan a.s. Ini disebabkan walaupun Bani Umayyah menguasai pemerintahan secara formal, namun kepimpinan umat secara rohaniyah dan hakiki berada ditangan Imam-imam Ahlul Bayt Rasulullah s. 'a.w. Dasar imam sememangnya telah ditetapkan oleh syari'at Islam untuk memimpin umat Islam dan dunia. Garisan Ilahi ini telah digariskan dengan tegas oleh Rasulullah s.'a.w. di dalam hadith-hadithnya serta sirahnya.

Antara hadith tersebut ialah yang diriwayatkan oleh Jahir bin Samrah r.d. yang berkata; Aku telah menemui Rasulullah s. 'a.w. bersama dengan bapaku dan aku mendengar Rasulullah s. 'a.w. bersabda yang bermaksud Sesungguhnya urusan ini (Islam) tidak akan selesai dilaksanakan melainkan telah datang dikalangan mereka dua belas orang khalifah. Berikutnya Rasulullah s. 'a.w. bercakap secara sulit dengan bapaku. Kemudian aku bertanya apakah yang disabdakan olehnya. Lalu bapaku berkata Rasulullah s. 'a.w. bersabda; Kesemua mereka itu adalah dari kaum Quraisy. [\[Lihat Sahih Muslim, Juzu' 2, Bab Ijarah, hadith ini dikeluarkan dalam berbagai sandaran dan jalan serta dengan berbagai lafaz yang hampir sama, lihat juga Sahih Bukhari, at-Tirmidzi dan Abu Daud dalam bab yang sama.\]](#)

Di dalam suatu hadith yang lain Ubabah bin Rab'ah meriwayatkan pula Jabir katanya: Rasulullah s. 'a.w. bersabda maksudnya; Aku adalah pemimpin para Nabi dan Ali adalah pemimpin para pemegang wasiat. Adapun pemegang wasiatku selepasku adalah seramai dua belas orang Ali adalah yang paling awal dikalangan mereka dan yang akhirnya ialah Imam Al-Qaim Al-Mahdi. [\[Lihat kitab Yanabi' al-Mawaddah tulisan al-Hamawi, Juzu' 11, bab 77\]](#)

Manakala Salman al-Farisi pula telah berkata; Aku telah datang menemui Rasulullah s. 'a.w. sedangkan junjungan pada masa itu sedang meriba Saidina Husayn 'a.s. serta mengucap mulutnya lalu Rasulullah s. 'a.w. bersabda kepada al-Husayn 'a.s, Engkau adalah pemimpin (sayyid) putera kepada sayyid dan saudara kepada sayyid, dan engkau Imam putera kepada Imam setasaudara kepada Imam, dan engkau pemegang amanah Allah (hujjah) putera kepada hujjah serta saudara kepada hujjah serta bapa kepada sembilan orang Imam, yang kesembilannya dibangkitkan ialah al-Mahdi. [\[Lihat kitab yang sama dengan huraian oleh Ibn Khawarizmi\]](#)

Boleh dikatakan terdapat berpuluh-puluh hadith dan keterangan-keterangan yang jelas mengenai konsep Imam dua belas khalifah 12 selepas Rasulullah s. 'a.w. Menurut Sheikh al-Qunduzi Rasulullah s. 'a.w. mengisytiharkan khalifah-khalifah selepasnya berjumlah 12 orang sebanyak seratus hadith yang menyebut nama-nama mereka dengan jelas, manakala seratus hadith yang lain disebut secara umum. [\[Sila rujuk kitab Yanabi' al-Mawaddah oleh Syekh al-Qunduzi, Juzu' 3 di dalam menerangkan bab Imam dua belas dan nama-nama mereka\]](#)

Apabila kita kembali memperkatakan Imam al-Husayn 'a.s. maka perhatikan kita agak istimewa mengenai keistimewaan kepemimpinan beliau dan situasi politik yang wujud di zamannya sehingga tindakan-tindakannya menjadi terkehadapan dalam menentang "Thoghut dan penguasa yang zalim serta menyeleweng pada masa itu. Sungguhpundemikian tindakan dan peranan al-Husayn 'a.s. tetap dibataskan oleh kehendak syariat Islam semata-mata. Berikut ini akan dikemukakan keadaan dan latar belakang yang akan mencetuskan revolusi Islam al-Husayn 'a.s. yang dianggap sebagai revolusioner Islam yang kedua selepas Rasulullah s. 'a.w. [\[Ath-Thair al-Thani\]](#).

Peristiwa-Peristiwa Selepas Perjanjian

Selepas saja termeterai perjanjian di antara Imam al-Husayn 'a.s dengan Muawiyah yang berusaha merebut jawatan khalifah sejak dari zaman Amir al-Mukminin Ali bin Abi Talib r.d. maka Muawiyah dan tenteranyapun memasuki kota Kufah. Berikutnya Muawiyah mengemukakan ucapan yang berupa ancaman kepada penduduk kotatersebut, katanya:

"Wahai penduduk Kufah! Adakah kamu melihat aku memerangi kamu kerana kamu bersembahyang, mengeluarkan zakat dan mengerjakan haji. Sesungguhnya aku mengetahui bahawasanya kamu sentiasa bersembahyang, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji. Akan tetapi aku memerangi kamu adalah untuk menguasai kamu dan hamba-hamba kamu. Sesungguhnya aku telah diperintahkan oleh Allah untuk melakukannya! Namun begitu kamu semua tetap berdegil. Ketahuilah, sesungguhnya setiap harta atau darah yang tumpah kerana fitnah ini sudah menjadi kelaziman. Ini disebabkan setiap kejadian dan perkara ada sebab dan akibat, dengan ini kakiku melangkah ke mari..." [Syarh Nahjul Balaghah oleh Ibnu Abil Hadid, Juzu' 16, hlm. 15, cetakan 1959, Dari Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah]

Sesungguhnya ucapan dan ancaman sedemikian itu merupakan suatu pelanggaran terhadap perjanjiannya dengan al-Hasan bin Ali 'a.s. Dan inilah corak politik Muawiyah sehingga segala rancangannya untuk berkuasa penuh berjaya dicapai. Inilah politik Machiavelli iaitu matlamat yang menghalalkan cara. Antara rancangan itu ialah berusaha menghapuskan seluruh penentangan yang terdiri dari pengikut Imam Ali bin Abi Talib 'a.s. Ahl Bayt seluruhnya yang selam ini menghalang cita-citanya untuk berkuasa. Malah pernah Muawiyah berpesan kepada tenteranya dalam menghadapi musuh-musuhnya:.....Hendaklah kamu bunuh siapasaja musuh yang kamu temui, hancurkan kekuasaan dan sumber yang mengukuhkannya, musnahkan harta benda mereka kerana dengan menghancurkan harta mereka bererti lumpuhkan kekuatan mereka [Nahjul Balaghah, Juzu' 11, hlm. 86] gambaran politik Muawiyah ternyata dengan kata-katanya kepada gabenor-gabenornya: Hendaklah kamu perhatikan suatu golongan yang terlalu cintakan Ali dan ahli-ahli keluarganya, hapuskanlah mereka dan sumber-sumber ekonomi mereka. "Selanjutnya Muawiyah menyatakan lagi....Lumpuhkan kekuatan mereka dengan mengadakan berbagai tipu daya serta hancurkanlah tempat tinggal mereka."

Dalam hal ini Imam Muhammad al-Baqir 'a.s menegaskan tentang corak kekejaman Bani Umayyah katanya:....."Golongan kami (Syi'ah Ali) telah dibunuh dan diperangi di setiap penjuru negeri, tangan-tangan dan kaki-kaki kami dipotong berdasarkan syak wasangka, malah sesiapa yang mencintai dan cenderung kepada kami dipenjarakan, dimusnahkan harta benda mereka, dihancurkan kampung halaman mereka....kekejaman itu mencapai puncaknya pada zaman Gabenor Yazid yang bernama Ubaidillah bin Ziyad yang membunuh al-Husayn 'a.s.

Kezaliman rejim Umawi begitu menonjol apabila mereka membunuh para sahabat Rasulullah s. 'a.w yang mencintai Ali dan Ahl Baytnya antara mereka ialah: Hujr bin Adi serta 13 orang pengikutnya yang mula-mula digantung sampai mati oleh Muawiyah, Rasyid al-Hijri, Amru bin Haq al-Khaza'e, Awfa bin Hisan dan

ramai lagi sebagaimana yang digambarkan oleh ahli sejarah yang terkenal at-Tabari dan kitab Syarh Nahjul Balaghah.

Pendek kata polisi Bani Umayyah ialah menghancurkan semua kekuasaan penentangannya termasuk harta benda mereka dengan meng-ugut peribadi muslim untuk di bawah tekanan politik jahiliyah sekular mereka. Muawiyah yang mengupah setengah ahli hadith untuk memesungkan hadith Rasulullah s. 'a.w. yang sahih serta mencipta hadith-hadith palsu demi memperkuatkan kedudukan Bani Umayyah dan bertujuan untuk memperkecil-kecilkan dan menyanggah Alldan Ahl Bayt Rasulullah s. 'a.w. Muawiyah juga menggunakan wang ringgit dan kekayaan untuk tujuan politiknya. Sebagai contohnya beliau mengirinkan wang sebanyak 1000 dirham kepada Malek Ibn Habfrah As-Sukuni supaya membunuh Hujur bin Adi r.a. yang menjadi pengkritik Muawiyah yang paling berani. Demikianlah kebebasan bersuara dimusnahkan oleh rejim Umawi dengan mewujudkan ancaman kepada para penentang mereka.

Satu lagi permainan politik Umawi ialah mempersempitkan kedudukan ekonomi dengan memerangi musuh-musuh mereka dengan permulaan ekonomi serta keperluan harian. Para penyokong Imam Ali 'a.s dan ahl bayt 'a.s. diboikot sehingga mereka kelaparan dan mencatukan makanan. Inilah bentuk politik Muawiyah sepanjang pemerintahan daritahun 41 hingga 60 hijrah.

Muawiyah juga meniupkan api perkapman dan nasionalisme di kalangan umat Islam. Umpamanya diwujudkan pertentangan di antara Arab, penduduk Yaman dengan Madinah, Mesir, Iraq dan seterusnya... .Malah golongan bukan Arab yang baru memeluk Islam dipanggil Mawali atau hamba tawanan oleh rejim Umawi. Selanjut-nya Muawiyah telah menyingkirkan cucunda Rasulullah s.a.w. iaitu Imam Hassan Putera Fatimah az-Zahra daripada menjadi pemimpin umat Islam yang bertepatan dengan syari'at Islam serta yang dihormati dan dikasihi oleh umat Islam. Sebaliknya beliau mengangkat anaknya Yazid menjadi putera mahkota yang bakal menggantikannya sebagai raja Bani Umayyah. Sudah tentu perlantikan itu terang-terang berlawanan dengan syarat perjanjian dengan Imam Hassan a.s. yang menegaskan bahawa pengganti beliau hendaklah diserahkan kepada Imam al-Hassan ~a.s. Dan seandainya Imam al-Hassan 'as. meninggaldunia maka adiknya al-Husayn sepatutnya diangkat menjadi Amir al-Mu'minin.

Dengan ini Muawiyah telah menjalankan rancangan dan taktik-nya yang kotor itu untuk mencapai kekuasaan dengan berpaling dari hakikat ajaran Islam. Dan sejak itu jawatan khalifah atau raja telah menjadi warisan Bani Umayyah, yang mengikuti garisan sistem diktator atau kukubesi yang dipaksakan ke atas umat Islam dari saat dan semakin hebat setelah kematian Muawiyah yang digantikan oleh puteranya Yazid. Dengan pengangkatan Yazid sebagai raja atau penguasa itu jelaslah semakin muramnya kehidupan umat Islam dan semakin hebat setelah kematian Muawiyah yang digantikan oleh puteranya Yazid. Dengan pengangkatan Yazid sebagai raja atau penguasa itu jelaslah semakin muramnya kehidupan

umat Islam. Lebih-lebih lagi dengan keperibadian Yazid yang bertentangan dengan akhlak Islam. Ini berarti suatu bentuk pengembalian kepada jahiliyah dalam bentuknya yang baru. Watak Abu Jahal, Namrud, Fir'aun yang terjelma semula selepas kewafatan Rasulullah s. 'a. w. ini disebabkan Yazid tidak terdidik dengan asuhan Islam, sebaliknya kehidupannya bergelumang dengan arak, zina dan berpoya-poya yang berlawanan dengan keperibadian Islam. Hasil dan keperibadian yang negatif ini telah mencetuskan suasana pemerintahan jahiliyah di zamannya, sehingga para penentangannya disiksa dan "diburu... Kota Madinah turut menjadi mangsa kedurjanaan Yazid dan tenteranya, demikian juga kota suci Makkah telah dicerooh dengan ganas. Suasana seperti inilah yang menggerakkan dan mendorong Imam al-Husayn a. s. untuk bangkit menentang arus jahiliyah yang dibawa oleh rejim Umayyah dan tidak ada pilihan lain melainkan berjihad pada jalan Allah dan melancarkan revolusi Islam untuk mengembalikan kehidupan Islam serta meruntuhkan jahiliyah, kezaliman dan kejahatan Bani Umayyah dan kuncu-kuncunya.

Angin Revolusi Al-Husayn

Muawiyah dan puteranya Yazid telah menggunakan paksaan dan ancaman untuk mendapatkan bai'at atau janji setia dari umat Islam. Malah al-Husayn 'a. s. dihadapi dengan keras oleh kedua-dua penguasa Umayyah itu. Dengan itu kehidupan Islam mula diganggu - gugat oleh penguasa rejim Umayyah. Selepas kematian Muawiyah Yazid bertindak dengan lebih keras lagi untuk menghadapi musuh-musuh rejimnya.

Sebenarnya sebelum kematian Muawiyah, beliau telah mengangkat anaknya Yazid menduduki jawatan penggantinya. Muawiyah telah memaksa semua golongan manusia untuk memberiketa'atan dan kesetiaan kepada Yazid. Maka demikian juga Yazid setelah menjadi raja Bani Umayyah lantas beliau melaksanakan penentunya untuk memperolehi bai'ah atau penyetiaan dan orang ramai demi mengukuhkan kerajaannya. Untuk tujuan itu Yazid pun menulis surat kepada gabenornya di Madinah yang bernama al-Walid bin Utbah supaya beliau mendapatkan bai'at dari penduduk Madinah secara umumnya dan mendapatkan bai'at daripada al-Husayn 'a. s. dalam bentuk yang khusus. Berikutnya al-Walid bersegera melaksanakan perintah majikannya dan menghantarkan utusannya untuk menemui al-Husayn 'a. s. pada lewat malam. Pada ketika itu al-Husayn 'a. s. sedang bermuzakarah dengan tiga puluh orang lelaki dari kalangan keluarga dan pengikutnya. Imam al-Husayn memberitahu utusan itu bahawa beliau tidak akan memberi bai'at secara bersendirian tetapi beliau akan meninjau sejauh manakah orang ramai di Madinah sanggup memberi bai'at kerana persoalan orang ramai di Madinah sanggup memberi bai'at kerana persoalan ini memerlukan penyatuan fikiran seluruh umat Islam. Kenyataan Imam al-Husayn 'a. s. itu adalah untuk melewati tindakan Yazid kerana beliau memaklumkan bahawa atas nasihat Marwan bin Hakkam penasihat Yazid yang menggesanya mengambil tindakan keras dan pembunuhan seandainya Imam

Husayn tidak mahu memberi bai'at. [Kitab al-Irsyad, oleh Syeikh al-Mufid, Bab Memperingati al-Husayn bin Ali, cetakan 1377H, hlm.183]

Sungguhnyaal-Imarn Husayn telah membuat keputusan untuk menolak dan menentang Yazidsecara terang-terangan.Beliau berazam untuk memikul tanggungjawabsebagai Imam umatIslam yang melanjutkan peranandatumnya Rasulullah s. 'a.w. lantasmendiri- kan sembahyang ziarah diikuti dengan do'anya, "...Ya Allah sesungguhnya inilah kubur Nabi Muhamad s. 'a.w. danaku adalah putera kepada puteri Nabi Muhamad s. 'a.w. dan aku hadir di sini dengan urusan yang sememangnyaadimaklumi olehMu. Ya Allah! Sesungguhnya aku mencintai ma'ruf dan membencikemungkaran, dan aku memohon kepadaMu wahai Yang Maha Mülia dan Maha Perkasadengan haq kubur nabiMU ini dan siapa yang ada di dalam- nya supaya aku pilihuntuk menjalankan urusan yang diredhai olehMu dan diredhaj oleh rasulMu.."[Kitab Maqatl al-Husayn, karya Abdul Razzaq, hlm. 147]

Dengan ini tergambar dengan jelaskesedaran al-Husayn 'a.s. untukmemikul risalah Tuhannya, walaupun diketahui betapa berat- nya bebanan itu.Di sisinya tiada yang lainyang lebih berhargamelainkan keredhaan Allah ta'ala jua. Berdasarkan rangkaiando'a Imam al-Husayn.'a.s. itu akan dapat merasakan betapa beliau ber- sediaanuntuk menjadi pahlawan tentera Allah yang akan menyerahkan jiwa raganya demimenegakkan risalah Ilahi yang dipertanggung.. jawabkanke atasnya. Tidamkk hairanlah mengapa Imam al-Husayn bersediamenjual dirinya kepada Allah 'azza wajalla dan demi kerana Allah jua.

Berikutnyalmam al-Husayn 'a.s.mengumpulkan para ahl Bayt dan sahabatnya yang setia mengarahkan merekasegera meninggalkan kotaMadinahdan memulakan perjalanan ke Makah... Sungguhpun ada pihak yang menggangaplangkah Imam membawaimplikási buruk kepada dirinyanamun al-Husayn dengan penuh kecekan bangkit untuk memperjuangkan hak dankebenaran Islam walaupun memaksa dirinya mengorbankan kepentingan diri danpengikutnya.

Inilah sebahagian dari siri revolusi Islam awal yangdirakamkan dari lembaran kebangkitan al-Husayn 'a.s. Kenyataan ini dapat dilukiskan dengan mengemukakan sebahagian suratwasiat yang diutuskan olehal-Husayn 'a.s. padasaudaranya Muhamad Ibnu al- Hanafiah... katanya "....Sesungguhnya daku tidakkeluar ke medanjihad denganberniat jahat, Melakukan kerosakañ atau kezaliman. Sebaliknya aku keluar untukmemperjuangkan kebaikan dan rahmat kepada umat datukku Nabi Muhamad s. 'a.w Akuberkeinginan untuk menyeru kepada ma'ruf dan mencegah kemungkaran. Sebenar- nyaaku sedang menjalani jalan datukku Muhammad s.'a.w. ayahandaku Amir al-Mu'minin Ali bin Abu Talib 'a.s. Tidak ada apa yang ku harapkan melainkan kebenaran, dan Allahlebih berhak untuk kebenar- an itu. Sesiapa yang menentang gerakan ini makabersabarlah sehingga Allah mendatangkan ketetapanNya di antaraku dengangolongan yang menegakkan kebenarañ dan Dialah Allah Yang Maha

Mengemukakan keadilan...”[Al-Wathaiq ar-Rasmiyyah Li Thawratul Husayn karya Abdul Karim al-Qazwaini, hlm. 36 yang dipetik dari karya al-Khawarizmi] Inilah garis revolusi Islam yang didokong oleh Imam al-Husayn ‘a.s. cucunda Nabi besar kita Muhammad s. ‘a.w. Ianya menjelaskan sasaran dan dorongan asasi ke arah pergerakan Islam yang dibangkitkan oleh Imam umat yang suci itu.

Rombongan al-Husayn a.s. menghala ke kota suci Makah yang bersejarah, rombongan yang lidah mereka berkumandang dengan zikir, dan hati mereka dipenuhi dengan kerinduan kepada Allah. Ketika memasuki kota Makah al-Imam al-Husayn ‘a.s. membaca Firman Allah:

Ertinya: “Dan ketika mana beliau menuju ke negeri Madyan, lalu Nabi Isa ‘a.s. berkata; Mudah-mudahan Tuhan menunjukkan kepadaku jalan yang lurus.” (Surah al-Qashash ayat 22).-

Setelahtiba di Makah rombongan tersebut memasuki perkampungan al-Abbas bin AbdulMuttalib. Kedatangan al-Husayn ‘a.s dan pengikutnya itu telah disambut hangat oleh penduduk Makah yang menyayangi dan menghormati cucunda Rasulullah s. ‘a.w. Ketika Imam Husayn a.s. berada di Makah. Ia telah mendengar penentangan terhadap Pemerintahan Yazid. telah mencapai kemuncaknya di Kota Kufah ibu negeri Iraq. Pergerakan penentangan dan revolusi bergelombang hebat untuk menggulingkan regim thaghut Yazid mempengaruhi penyokong atau syi’ah ahl bayt Rasulullah s. ‘a.w. Pemimpin golongan yang menentang Yazid di Kufah ialah, Sulaiman bin Sard Al-Khuza’i, yang mengetahui bahawa Imam Al-Husayn ‘a.s. juga turut menentang perlantikan Yazid sebagai khalifah ataupun gausa ke atas umat Islam. Dengan itu seluruh pengikut Imam mengisytiharkan pendirian Imam al-Husayn ‘a.s untuk memerangi musuh-musuh mereka walaupun terpaksa mengorbankan nyawa mereka sendiri.

Selepas sahaja penduduk Kufah bersepakat dan menyatukan pemikirannya mereka untuk memberi bai’at kepada al-Husayn ‘a.s. maka para pemimpin mereka menulis surat menyatakan penentangan mereka terhadap pemerintahan Yazid/Umawi. Mereka hanya redha berada di bawah pemerintahan al-Husayn ‘a.s. Berikutnya mereka mengisytiharkan al-Husayn ‘a.s sebagai khalifah dan Imam umat Islam. Penduduk Kufah yang menyertai persetujuan itu berjumlah seratus ribu orang.

Dengan itu secara muktamad mereka memberi bai’at dan ketaatannya kepada al-Husayn a.s. tunduk tunduk di bawah kekuasaan ahl bayt Rasulullah s. Rasulullah. Penduduk Iraq juga bersedia untuk mengorbankan diri mereka demi menegakkan risalah Islam dan demi menggembelikan haq al-Husayn ‘a.s. pada tempatnya.

Setelah memperolehi gambaran yang positif itu al-Imam Husayn mengutuskan sepupunya Muslim bin ‘Aqil seorang lelaki yang bertaqwa dan amanah serta memiliki kepimpinan yang tinggi untuk menemui penduduk

Kufah serta mengukuhkan lagi dakwah dan pengajaran Islam di sana. Muslim bin 'Aqil juga membawa keputusan yang penting kepada penduduk Kufah yang antara lain her- maksud (Surat al-Husayn bin Ali);

BismillahirRahmanir Rahim

Daripada al-Husayn bin Ali 'a.s. kepada para Pemimpin Islam dan orang-orang yang beriman; Sesungguhnya aku merasa bahagi dan sukacita menerima surat-surat dan Keputusan kamu semua dan sukacita menerima surat-surat dan keputusan kamu semua dan demikian juga telah tiba utusan kamu kepadaku. Daku telah memahami apa yang dinyatakan oleh anda semua bahawa di sisi anda tidak memiliki seorang Imam. Terimalah mudah-mudahan Allah menghimpunkan kita dialas kebenaran dan petunjukNya. Daku telah mengutus kepada anda semua saudaraku, sepupu daripada kalangan ahli bayt iaitu Muslim bin 'Aqil. Daku telah mengarahkannya supaya memberitahu hal ehwal dan Pendirian anda semua. Seandainya dia menulis surat kepadaku bererti dia telah mengumpul keseluruhan pandangan para pemimpin anda yang memiliki keutamaan dan kelebihan di kalangan anda. Mudah-mudahan kesemuanya menyamai apa yang digambarkan oleh utusan-utusan anda. Sebenarnya aku telah membaca semua surat-surat anda. Sesungguhnya aku telah membaca semua surat-surat anda. Sesungguhnya aku telah mengutus kepada anda seorang yang boleh menguruskan urusan anda insya Allah ta'ala. Demi usiaku bukanlah aku ini imam melainkan menjadi hakim yang bersandarkan kepada Al-Qur'an yang bangun menegakkan keadilan, pemegang amanah agama dengan pengajaran Allah yang benar dan akanku korban diriku demi kerana Allah juga. wassalam. [\[Ma'aal-Husayn fi nahdlaatihi karya Asad Haidar fil Kufah\]](#)

Penduduk Kufah dengan rela hatinya memberi keta'atan, al-wala' dan kepatuhan untuk membai'at al-Husayn 'a.s. Mereka juga menerima Muslim bin 'Aqil sebagai pemimpin utusan al-Husayn untuk menegakkan risalah Allah dan kekuasaan ahli bayt Rasulullah s. 'a.w. Pada peringkat tidak ada perubahan langsung dalam keta'atan mereka. Manakala Muslim juga merasa sungguh besar amanah yang dipikulnya itu, antara suratnya kepada al-Husayn adalah seperti berikut;

“Sesungguhnya sesuatu kenderaan tidak akan membohongi tuannya, sesungguhnya seluruh penduduk Kufah bersamaan denganmu. Mereka telah memberi bai'at dan jumlah mereka ialah lapan puluh ribu orang. Bersegeralah menerima khabar ini wassalamu 'alaika warahmatullah wa barakatuh.”

Penduduk Kufah Tergugat

Penguasa Parti Umawi di Iraq merasai betapa hebatnya gerakan memperjuangan dan mengukuhkan risalah Islam di bawah pimpinan al-Husayn 'a.s. di Iraq sehingga pengaruh pergerakan itu meresapi keseluruhan anggota masyarakat Kufah. Para pembesar rejim Umawi di Iraq segera melaporkan

kesemua perkembangan itu kepada Yazid bin Muwiyah PresidenParti Umawi yang berpusat di Damsyik Syria.Setelah menerima laporan rasmi dari kuncu-kuncunya di Iraq maka bersegera Yazidmengutuskan Ubaidullah bin Ziyad menjadi gabenor Kufah yang memiliki. keperibadianyang ganas, zalim dan tidak berperikemanusiaan. Ibnu Ziyad selanjutnya membawa apipermusuhan terhadap ahl bayt Rasulullah s.'a.w. Beliau bersama beratus-ratus orang tenteranya memasuki ke kotaKufah dengan mem- beri ancaman dan ugutan kepada mereka. Sebahagian darikata-kata- nya adalah seperti berikut;

SesungguhnyaAmir al-mu'minin Yazid telah melantik aku untuk memerintah hal ehwal kamu.Aku juga diperintahkan untuk menyedarkan dan mengajorarang-orang yang dizalimi serta membuat kebaikan kepada mereka yang ta'atkepada perintah kami.Akan tetapi pedang dan lembingku akan menghadapisesiapa yang berpaling dari perintahku dan membelakangi perjanjian dengankumaka terimalah padahnya kepada mereka yang demikian...[Kitab al-Irsyad,oleh Syeikh al-Mufid]

Bermula darisaat itu situasi Kufah mula berubah dengan gelombang pertentangan dan penekananupaya kekuatan rejin Umawi bertapak semula.Ancaman-ancamanyang dilakukan oleh kuncu-kuncu Umawi itu ruparupanya telah menimbulkan rasatakut dan bimbang sebilangan besar penduduknya.Sehinggaibu-ibu melarang anak-anaknya dari keluar membantu Muslim bin 'Aqil manakalagolongan yang tamak pula telah berpaling dari kebenaran.Sebaliknya mereka bertumpu ke istana gabenor Umawi untuk men- dapatkanharta dan kemewahan yang ditawarkanoleh Ibnu Ziyad.Gejala seperti ini mula bersemarak di kotaKufah.

Adapun golongan yang ikhlasdengan dakwah dan risalah Islam mereka tetap tidak berganjak dari memberisokongan kepada Muslim bin 'Aqil yang menjadi wakil al-Imam al-Husayn 'a.s; Sungguhpun demikian sokongan ituterpaksa diberi secara rahsia dan bersembunyi.. sembunyi.Demikianlah berubahnya bai'at mereka.Sehingga dakwah Islam yang benar itu telah bertukar menjadi dakwahsecara rahsia dan sulit.Muslim pula berpindah dari rumah Mukhtar binAbu Ubaidah yang menjadi orang yang pertama memberi bai'at ke rumah Hani binUrwah. Tentunya ini merupakan satu perubahan yang besar.Keikh- lasan Hani bin Urwah menyokong pergerakan Ahl Bayt tidak berganjak sejakzaman pemerintahan Amir Al-Mu'minin Ali bin Abu Talib 'a.s lagi. Dengan itugerakan ahl bayt Rasulullah s. 'a.w. mulaberggerak secara rahsia setelah mendapat sokongan terbuka penduduk Kufahsebelumnya.

Bagi Ibnu Ziyad pula apayang difikirkannya ialah bagaimana ingin membongkar tempat tinggal atau markasMuslim bin 'aqil r.a. Untuk tujuanitu beliau mengutuskan ejen-ejen rahsianya untuk meresapi ke dalam gerakanahlul bayt serta berpura-pura menyokong perjuangan Islam di bawah pimpinanal-Husayn.

Dalam pada itu pendirian Muslim, bin 'Aqil dan Hani' bin Urwah tetap teguh untuk menegakkan syari'at Islam dan menentang segala bentuk kemungkaran rejim umawid dan kuncu-kuncunya Malangnya, walaupun tentera Muslim mempunyai bilangan yang banyak tetapi anasir perpecahan akibat diresapi oleh Ibnu Ziyad membawa kepada kelompokan pergerakannya di Kufah. Sebaliknya Ibnu Ziyad menggunakan berbagai tipu helah dan tipu daya untuk menguasai penduduk Kufah dan melemahkan gerakan Muslim bin 'Aqil sehingga tentera Muslim turut dipecah belahkan oleh taktik jahat Ibnu Ziyad. Sungguh pundernikian Muslim bin 'Aqil dan Hani bin Urwah memilih jalan syahid pada jalan Allah demi menegakkan pergerakan Islam di bawah pimpinan Imam al-Husayn 'a.s. cucunda Rasulullah s. 'a.w. Kesyahidan dan jihad pahiawan-pahiawan Islam ini adalah jalan yang sebaik-baiknya dipilih oleh mereka daripada menyerah diri dan melutut kepada kemungkaran kerajaan Bani Umayyah.

Perjalanan Menuju ke Iraq

Kebangkitan al-Husayn 'a.s tetap membimbangkan para pemimpin besar Bani Umayyah. Lebih-lebih bagi dengan kepemimpinan dan keperibadian besar cucunda Rasulullah s. 'a.w. yang sedang memperkuatkan kegiatannya di Makah menjadi ancaman kepada kestabilan kerajaan beraja Umawi. Oleh yang demikian Yazid mengutus tenteranya dari Syria di bawah pimpinan Amru bin Sa'id bin al-'As untuk membunuh al-Husayn a.s. yang sedang berada di kota suci Makah dengan apa cara sekalipun.

Setelah al-Imam al-Husayn mendengar berita rancangan jahat Bani Umayyah terhadapnya maka bersegera beliau menuju ke Baitullah al-haram untuk beribadat dan bermunajat kepada Allah 'azza wa jalla. Sungguhpun begitu al-Imam berkeyakinan bahawa Yazid dan tenteranya tidak akan memelihara kesucian Ka'abah dan tidak menghormati para jemaah haji maka beliau bercadang untuk meninggalkan kota Makkah dan menuju ke Iraq. Antara ucapan beliau sebelum keluar dari Makah adalah sebagaimana berikut;

"Segala puji bagi Allah barang yang dikehendaki oleh Allah dan tidak ada kekuatan yang lain melainkan kekuasaan Allah, selawat dan salam kepada rasulNya. Garisan maut ke atas Bani Adam umpama garis an perjuangan bagi pemuda satria bermula keadaanku hingga akhirnya sebagaimana kepemimpinan Ya'akub yang diwarisi oleh puteranya Yusuf. Sebaik-baiknya bagiku ialah perjuangan dan cahaya bumi Karbalah gemerlapan. Tidak dapat kalam menggambarkan apa yang telah terjadi pada hari ini." [Maqtal al-Husayn oleh Abdul Razzaq al-Musawi, hlm. 193]

Banyak kalangan mengatakan bahawa pemergian al-Husayn dari Makkah ke Iraq kerana beliau takut dibunuh oleh tentera Yazid.

Sesungguhnya kenyataan ini adalah fitnah yang besar terhadap cucunda Rasulullah s. 'a.w. itu. Ini disebabkan Abdullah bin al-Abbas r.a. telah menyatakan bahawa janji Allah pasti tiba dengan laknat terhadap

golongan yang membunuh al-Husayn 'a.s. Demikian juga menurut pandangan Muhammad bin al-Hanafiah yang 'a.s. pernah memberitahunya dengan katanya; Pada suatu hari Rasulullah s. 'a.w. telah mendatangi kudan bersabda; Wahai Hussayn keluarlah Sesungguhnya Allah telah menghendaki bahwa dikau dilihat olehNya terbunuh. [\[Sumber yang sama, hlm. 195\]](#)

Imam al-Husayn juga pernah berkata kepada Abdullah bin Az-Zubir Demi Allah mereka akan mengeluarkanku dan memburuku serta menyeksaku sebagaimana golongan Yahudi berpesta pada hari Sabtu. Demikianlah betapa al-Husayn a.s. sudah maklumbahawa beliau akan dibunuh oleh puak Bani Umayyah sebagaimana yang diberitahu oleh datuknya Rasulullah s. 'a.w. Oleh itu tidak timbul lagi dakwaan yang mengatakan al-Husayn melarikan diri dan takut menghadapi kematian atau syahid pada jalan Allah.

Perjalanan al-Husayn 'a.s. sebenarnya menuju kepada kesyahidannya yang dijanjikan. Tetapi apayang lebih penting beliau berazam untuk memperjuangkan kebenaran risalah Allah, walaupun dalam menegakkannya terpaksa mengorbankannyawanya. Beliau tetap berazam untuk menjadi penolong agama Allah. Di atas jalan pengorbanan dan kesyahidan inial-Hussayn a.s. bangkit untuk mengekalkan dan mempertahankan maruah Islam.

Dalam perjalanannya menuju ke Iraq beliau mendengar kata-kata ugutan bahawapedang-pedang berada di pihak Bani Umayyah dan hati-hati manusia dipengaruhi oleh mereka, al-Hussayn 'a.c. amat maklum dengan keadaan itu. Sungguhpun demikian al-Imam yakin dengan dua kekuatan dalam perjuangan. Pertama kekuatan Iman terhadap kebenaran risalah Islam dan haq ahl Bayt Rasulullah s. 'a.w. di dalam memimpin kehidupan Islam. Kekuatanyang kedua pula ber-canggah dengan kekuatan yang pertama itu iaitu kekuatan rasa takut terhadap kekuasaan Bani Umayyah dan keganasan mereka, serta rasa cinta yang melampau terhadap dunia dan terlaluberkeinginan untuk berehat dan melarikan diri dari perjuangan.

Imam al-Husayn 'a.s. tetap berpegang dengan pendirian bahawa Umat Islam tidak akan bangkit melainkan dengan mengemukakan pengorbanan yang besar untuk kebangkitan mereka. Pengorbanan itu ialah kesyahidan golongan yang bersama dengannya yang terdiri dari zuriat Rasulullah s. 'a.w. dan para pengikut Ahl Bayt s. 'a.w.

BAB 5 MENGAPAKAH TERJADINYA REVOLUSI

Sepanjang kita mengikuti kehidupan al-Husayn 'a.s. yang diselubungi oleh peristiwa-peristiwa serta situasi pertentangannya dengan rejim thaghut Umawi, nescaya kita tidak akan mendapati aspek-aspek kemenangan kebendaan bagi pihak Imam al-Husayn 'a.s. Seinggalah apabila penduduk Iraq menulis surat kepadanya sekali-pundengannya menyatakan sokongan mereka terhadap kebangkitan revolusi al-Husayn. Tidak boleh kita mengatakan al-Husayn 'a.s. telah mencapai kemenangan fizikal yang besar dan sokongannya. Sebaliknya kita dapat Imam al-Husayn 'a.s. telah mengisytiharkan revolusinya sebelum menerima berita dari Iraq.

Pergerakan al-Husayn 'a.s. bermula di kota suci datuknya Rasulullah s' a.w. Madinah. Di situ beliau menerima bai'at dari penduduk Kufah. Ketika berada di Makah beliau mengisytiharkan kebangkitan revolusinya yang penuh berkat demi mengembalikannya kemurnian Islam.

Di sisi al-Husayn 'a.s. bumi Hijaz tidak menjanjikan apa-apa kekuatan untuk berdepan dengan kekuasaan rejim Umawi. Oleh yang demikian beliau bergerak menuju ke Iraq supaya bumi Haram (Suci) Makah dan Madinah tidak digenangi dengan darah-darah syahid keluarga Rasulullah s. 'a.w. al-Husayn 'a.s. sememangnya memaklumi diatas maut yang akan ditempuhnya. Beliau mengharapkan pergerakan dan kesyahidannya akan mencetuskan revolusi Islam yang bererti demi menegakkan syari'at Allah di belikat bumi ini. Sungguhpun demikian perlu dikemukakan persoalan mengapakah boleh terjadinya revolusi al-Husayn 'a.s. ini

Untuk menjawab persoalan yang besar ini memerlukan kepada penjelasan mengenai hakikatnya yang muktamad, antaranya;

Pertama: Akibat dari perlantikan Yazid bin Muawiyah untuk menguruskan hal ehwal umat Islam sedangkan keperibadiannya yang menyimpang dari ajaran Islam. Ini menyebabkan masa depan umat Islam berada dalam ancaman dan merbahaya. Lebih-lebih lagi Yazid berperibadi buruk lantaran tidak mendapat didikan Islam yang sempurna. Beliau dibesarkan dalam rumahtangga yang tidak ada langsung pancaran pertunjuk Islam. Tidak hairanlah andanya parasejarawan merakamkan bahawa Yazid adalah penggemar arak kaki perempuan dan berbagai kegiatan maksiat yang menjadi darah dagingnya. Kenyataan keperibadiannya Yazid sedemikian rupa amat bertentangan dengan tanggungjawab yang diberikan kepadanya memimpin umat Islam dan mentadbirkan hal ehwal mereka menurut syari'at Islam.

Mémandangkan kepada penyimpangan Yazid sebagaipenguasa Bani Umayyah yang memaksakan kekuasaan jahiliyah mereka terhadap umatIslam dan demi menegakkan risalah Islam yang agong yang pernah ditegakkan olehdatuknya Rasulullah s. 'a.w. maka Imam al-Hussayn 'a.s. bangkit melancarkanrevolusi penentangan terhadap rejim thaghut Yazid. Matlamat al-Husayn 'a.s.tidak laindari menge- kalkan kehormatan dan maruahIslam. Oleh yang demikian ketika beliau berdepan dengan tentera Yazid yangdipimpin oleh al-Hurr bin Yazid ar-Riyahi Imam al-Husayn 'a.s menggambarkanpendiriannya dengan penuh yakin dan keimanan, katanya:'

Wahai manusiasesungguhnya Rasulullah s. 'a.w. telah bersabda; Barangsiapa melihat penguasayang zalim yang menghalalkan apayang diharamkan olehAllah serta menentang sunnah Rasulullah serta bertindak memusuhi danmenyebarkan dosa kepada hamba-hamba Allah, sedangkan ia tidak melakukanperubahan dengan perbuatan atau dengan perkataan nescaya Allah berhakmemasukkan ke dalam neraka. Ketahuilah mreka yang demikianitu sentiasa mentaati syaitan serta meninggalkan ketaatan kepada Allah yangMaha Pemurah, mereka juga menyebarkan kerosakan dan melanggar batasan hukumAllah.Mereka jugamenyebarkan dosa, menghalalkan apa yang diharamkan olehAllah dan mengharamkan apa yang dihalalkan olehNya

Berdasarkan kepada pendirian Imamal-Husayn 'a.s. maka ter- serlahlah hakikat sebenar mengapakah beliau menentangrejim Bani Umayyah yang dimaklumi tidak menjalankan pemerintahan berdasar- kansyari'at Allah s.w.t.

Keduanya;Penentangan Imam al-Hussayn adalah didasarkan kepada keperluanmembangkitkan semangat, pemikiran dan jihad umat Islam secara keseluruhannyaserta menyedarkan mereka betapa perlunya irnenegakkan syari'at.danrisalah Islam yangagung. Tanggungjawab

itu menjaditugas keseluruhan mereka dan bukannya masalah peribadi Inilah konsep kepimpinanyang' mulia dalam masyarakat yang dikemukakan okh Imam umat Islam ini iaitucucunda Rasulullah s.'a.w.[[Rujuk Kitab Murujuz Zahab, oleh al-Masudij](#)]

Dalam keadaan yang samapula golongan pencinta kebendaan mengumpulkan hartabenda tanpa mempedulikan tugas Islam yang besar. Merekahanyut oleh arus kepentingan duniawi yang leka dengan kerehatan tanpapengertian jihad dan perjuangan untuk me- negakkan kesucian syari'at Islam.Imam al-Husayn a.s. ingin meniup- kan ruh jihad Islami yangakan inelawan arus jahilliyah yang ditiup- kan oleh rejiin umawi yangmenyebarkan faham metarialisme dan nasionalisma yang menghanyutkan ummat Islamdan peranan dan tugas mereka yang sebenar.

Sebagaimana yang dilaporkan oleh Abdullah binAz-Zubir rd. dan Abdullah bin Umarbin Al-Khattab r.d. kedua-duanyaputera kepada sahabat Rasulullah s. 'a.w yangmenjadi sahabat kepada Imam al-Husayn ¶a.s.itu ianya telah membawa

era baru dalam perjuangan Islam untuk menghancurkan thaghut dan jahilliyah corak baru yang timbul selepas wafatnya Rasulullah s. 'a.w. Cucunda rasul Islam s. 'a.w. yang agong sendiri bangun untuk menjadi model mujahid Islam yang sanggup syahid dalam mengembalikan kedaulatan Islam yang diasaskan oleh datuknya s. 'a.w. dan ayahanda Amir al-Muminin Ali bin Abu Talib 'a.s.

Dengan pengorbanan dan kesyahidan al-Husayn 'a.s. itu maka benarlah kata penyair Islam yang menyokong perjuangan ahl bayt Rasulullah s. 'a.w yang bernama Farazdak katanya: Hati mereka bersama kamu al-Husayn dan pedang mereka bersama Bani Umayyah Boleh dikatakan inilah sebabnya mengapa cucunda Rasulullah s. 'a.w al-Husayn 'a.s. mengisytiharkan revolusinya yang penuh keberkatan. Al-Imam telah menyemarakkan perjuangan dan pengorbanannya yang dada bandingan demi menegakkan risalah suci Islam selaras dengan firman Allah di dalam surah at-Taubah ayat 38 Ertinya;

“Wahai orang-orang yang beriman. Mengapakah jika dikatakan kepada kamu; Berperanglah pada jalan Allah lantas kamu memberatkan diri kamu ke bumi? Apakah kiranya kamu suka kehidupan di dunia ini dari kehidupan di akhirat. Padahal kehidupan di dunia jika dibandingkan dengan 'akhirat adalah terlalu sedikit!”

Dalam hal yang sama mammenolak, sikap tunduk kepada golongan yang zalim dan membiarkan kezaliman itu berleluasa selaras dengan firman Allah di dalam surah Hud ayat (113); Ertinya,

“Janganlah kami berdiam diri bersama dengan golongan yang zalim, nescaya kamu nanti akan disentuh oleh api neraka.”

Selanjutnya Imam mengisytiharkan bahawa orang-orang yang beriman semestinya mengorbankan seluruh harta dan jiwa raganya untuk menegakkan risalah Islam yang agung sebagaimana penegasan Allah di dalam surah At-Taubah ayat (111);

Ertinya; ‘Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang-orang yang beriman diri-diri dan harta benda mereka dengan mengurniakan kepada mereka syurga.. (Oleh itu) hendaklah 'mereka berpegang pada jalan Allah, lalu mereka membunuh dan sedia terbunuh, sebagai suatu perjanjian yang benar..... Inilah balasan dan jalan yang menempa. kejayaan bagi orang-orang yang beriman dengan kebenaran risalah Islam.”

Beginilah pegangan yang dianut oleh Imam al-Husayn 'a.s. yang mulia sebagai lanjutan dan pegangan datuknya Rasulullah s. a.w dan pegangan ayahandanya Imam Ali bin Abu Talib r.a. serta pegangan bondanya Fatimah az-Zahra 'a.s Oleh yang demikian al-Husayn 'a.s. sanggup menolak segala bentuk kemungkaran dan kezaliman rejim umawi, walaupun ia, tahu bahawa

penentangan itu akan me- mengorbankandirinya serta para pengikutnya yang setia.

Kesedaran al-Husayn a.s terhadap tanggungjawabnya itumerupakan garisan atau rnanhaj Islam dalam konteks jihad pada jalan Allah. Sehingga .beliau sanggup menolak realiti yang ada disekeliling nya.Malah ada golongan yang mengatakantindakannya bertolak ke Iraquadalah diluar strategi politik di dalain menghadapi tipu daya rejim Umaiyah.Sungguh pun begitu jalan yang diambil oleh lrmam ummat Islamini bertepatan dengan keredhaan Allah bagi hambaNya yang ikhlas dan bersabar.

Ketiga; Gagasan yang penting dan kebangkaan Islam yang didokong oleh al-Husayn 'a.s. ialah kesedaran urnat Islam untuk memaharni dasar-dasar.Islam mengenai Imamahatau kepimpinan dalam Islam.Secara tidak langsungkesedaran itu menolak perrnainàn politik yang dilancarkan oleh kerajaan berajaBani Umaiyah yang telah menyimpang jauh dari dasar politik dan pemerintahanIslam.

Pergerakanal-Husayn 'a.s. tidak lain adalahuntuk memimpin ummah menerangkan kepada mereka tentang betapa merbahaya corak pemerintahan :rejimumawi terhadap kelangsungan kehidupanIslam yang hakiki. Al-Husayn 'a.s. mendidikumat Islam 'untuk mengenal konsep Imamah yang digariskan oleh Allah sertalanjutan muktamad. dan pemerintahan kenabian Muhammad Rasulullah s Sekaligus dengan itu Umat Islam diajakuntuk menolak bentuk pemerintahan monarki, kuku' besi dan sistem wansan yangrnem- belakngr syura Islami yang dianut oleh rejim Umaiyah Muawiyah dianggapoleh al-Husayn sebagai pengasas pohtik sekular yang dianut oleh Bani Umaiyahitu telah membawa kesan yang negatif terhadap kehidupan umat Islam danmencatitkan sejarah yang hitam dalam kehidupanummah. Untüktujuan itu al-Husayn 'a.s sanggupmence- tuskan revolusi Islam yang mengorbankan diri dan pengikutnya sebagaisyuhada yang dibeli darah dan.nyawamerekaoleh Allah SWT. Darah-darah syuhada karbalayang dirintis oleh al-Husayn 'a.s. telahmenitis ke dalam jiwa masyarakat sebagai nadi yang menghidup- kan ruh jihad yangberkembang dan terus berkembang dari masa ke semasa. Konsep syahid al-Husayn 'a.s. semakinsegar dan bersemarak sebagai suatu formula yang ampuh dalam mempertahankankedau- latan Islam sebagai sistem kehidupan yang diredhai oleh Allah.

Dálam hal ini Imam al-Husayn 'a.s. menegaskan 'dalam sàlah satu ucapannya;

"...Wahai manusia sesungguhnya andainya kamu bertaqwaan mengenali kebenaran nescaya itulah yang aku redha ke atas dirimu Dan kamiahl bayt Rasulullah s. 'a.w. lebihutama untuk memegang tampuk wilayah dan ülil amri (pemerintah) terhadap urusan kamulebih layak dari golongan yang mendakwa terhadap kekuasaan itu yang tidak wajardimiliki oleh mereka yang menyebarkan permusuhan dan kemungkarannya itu." Beliau meneruskan lagi".Adapun Allahswt telah memilih Muhammad .c. 'a.w. di kalangan seluruh makhlukNyasebagai

rasulNya serta memuliakannya dengan kenabian dan memiinya untukmembawa risalah Islam.Kemudian Allah nrewafatkannyasetelah baginda memberi pengajaran kepada hamba-- hamba Allah dan menyampaikanIslam.Sesungguhnya kedudukan.kamiadalah sebagai ahli keluarganya yang terdekat,wali-walinya dan pemegang wasiatnya dan mewarisi kepimpinannya dan kami adalahgolongan manusia yang lebih berhak terhadap urusan pemerintahan Imamah ke atasumat manusia. Walaupun segolongan kaum meng- engkari hak kami, akantetapi kami mengetahui bahawa kami lebih berhak darimereka yang melantik din mereka. Sesungguhnya aku telahmengutuskan utusan ku kepada kamu.Dan kami menyeru kamu semua kepadakitab Allah dan sunnahnabiNya Sesungguhnya sunnahhendaklah dihidupkan dan bid'ah hendaklah dihapuskan. Seandainya kamu mendengarperkataan ku nescaya kamu diberi petunjuk kejalan yang benar..."

Dengan ucapan dan tulisan Imamal-Husayn 'a.s. itu beliau telahmembongkar dengan terang tentang tidak sahnya serta menyim- pangnya kerajaanBani Umaiyah yang menyeleweng dari landasan Islam.Dalam masa yang samaAl-Imam menjelaskan bahawa hak Imamah dan khilafahhanya terletak kepada golongan yang mewarisi nubuwah dan melanjutkannya denganImamah atau kepimpinan yang ditetapkan oleh syari'at Islam. Kenyataan inibertentang dengan konsep demokrasi yang dipaksakan ke atas ajaran politik Islam, keranaAllah danrasulNya lebih mengetahui tentang kemaslahatan dan keperluan umat manusiaterhadap Imamah. Kepimpinan pak- saan seperti rejim BaniUmaiyah terkeluar dan landasan yang disebutkan ini.Denganini kebangkitan revolusi Islam Imam al-Husayn 'a.s. yang ditentang olehMuawiyah 'dan Yazid dari rejim umaiyah.Kebangkitanal-Husayn 'a.s. sekaligus menolak pengesahan palsu dan korup setengah paràpendakwa yang mempertahankan keabsahan rejim Muawiyah dan anaknya Yazid.Pihak kami bersedia untuk mengemukakan nas- nas al-Quran dan hadith-hadithRasulullah s.'a.w. terhadap keabsahan Imamah al-Hasan 'à.s. dan al-Husayn 'a.s.dan juga ayahanda mereka Amir al-Mu'minin Ali bin Abu Talib r.d. padakesempatari yang lain.

Keempat;Kedudukan insan menurut risalahpengajaran Islam merupa- kan kelana atau pengembara di muka bumi yang memerlukanbekalan dam pimpinan Ilahi. Kefardhuan dan kewajipan menyerukepada ma'ruf dan mencegah kemungkaran serta beijihad pada jalan Allahmerupakan penterjemahan yang hakiki terhadap gagasan ini Demi- kian juga kitasebagai penganut dan pemeluk ajaran Islam yang suci.Garisanperjuangan kita mesti ditumpahkan ke arah menegakkan risalah yang sud itudengan mempertaruhkan harta dan nyawa yang dipinjamkan oleh Allah kepada kita.

Demikian juga al-Husayn a.s. yang mewarisi kepimpinanNabi Muhammad s. 'a.w. telah menyahut seruan menegakkan risalah Islam secaraamali Pada zaman yang penuh begelora itu al-Husayn menjadi revolusineterawal untuk mengekalkankedaulatan risalah Islam yang diasaskan oleh datuknya Rasulullah s. 'a.w.Al-Imam memilih jalan revolusi dalam menghadapi kezaliman

dan kemungkaran parapenguasa. Di sisinya tanpa pergerakan revolusi maka tiada lagi perbaikan dan rahmat untuk umat Islam. Untuk membayangkan garis revolusi Islamnya itu dapat diamati dari kata-katanya: **“Sesungguhnya aku tidak keluar ke medan perjuangan dengan niat jahat atau tidak sekali-kali untuk membawa kerosakan, juga tidak ingin menegakkan kezaliman. Hanyasanya aku keluar adalah untuk menuntut kebaikan kepada umat dan untuk Rasulullah s. ‘a.w. Aku ingin menegakkan seruan kepada mengerjakan makruf dan mencegah kemungkaran. Aku melalui jalan yang dilalui oleh datukku, dan ayahanda Ali bin Abu Talib r.a. ...”** Inilah sebahagian dari faktor kebangkitan revolusi Islam yang didokong oleh al-Husayn a.s.

BAB 6 PERANAN WANITA DALAM REVOLUSI ISLAM AL-HUSSAYN ‘A.S

Di samping golongan lelaki sebagai penyokong dan pejuang al-Husayn ‘a.s. dalam perjalanannya dari Makkah ke Karbala, kaum wanita ahl bayt dan kanak-kanak merupakan golongan yang tidak boleh dipisahkan dari pergerakan penuh berkatitu. Malah menurut Al-Husayn ‘a.s. sebagaimana kata-katanya kepada saudaranya Muhammad bin Al-Hanafiah bahawa kaum wanita itu dilihat sebagai pengukuh dan pendorong kepada revolusi Islam. Peranan Wanita revolusiener itu boleh diperhatikan dalam perjalanan husainiyah itu dengan memerhatikan peranan tokoh-tokoh seperti Zainab Al-Kubra binti Ali, jugacucunda Rasulullah s. ‘a.w. Peranan itu dapat dikutip dalam ucapannya;

“Segala puji bagi Allah, selawat dan salam kepada Nabi Muhammad s. ‘a.w. dan ahli keluarganya yang suci: Wahai penduduk Kufah! Adakah anda menangis tanpa air mata atau meratap penuh kepiluan. Kamu sebenarnya diumpamakan golongan yang tercabit kekuatannya. Adakah kamu menjadikan sumpah kamu sebagai perisai-perisai untuk menutup kepaluan. Ketahuilah perkara buruk akan menimpa kamu di mana Allah menetapkan ke atas kamu azab yang kekal dengan penipuan itu. Ya Allah!! Orang yang menangis terlalu banyak sedangkan yang ketawa terlalu sedikit. Alangkah malangnya pendirian kamu di hadapan pembunuhan keturunan nabimu s. ‘a.w. zuriat nabi penamat segala Anbiya’, perbendaharaan risalah dan pemimpin pemuda syurga. Hilanglah pelita yang menyuluh kamu, pemimpin ulung yang menghidupkan sunnah Alangkah buruknya apa yang kamu bawa, kerugian memenuhi keduatanganmu. Adakah kamu sanggup berhadapan dengan kemurkaan Allah dan RasulNya. Kamu sebenarnya telah drnmpa kehinaan dan kecelakaan, alangkah celaknya nasib kamu. Adakah kamu seanggup melihat hati jantung Rasulullah s. ‘a.w. dikunyah, adakah kamu sanggup mengorbankan kemuliaannya. Manakah darah yang telah kamu turnpahkan dan manakah kehormatan yang telah kamu pertahankan??! Telah datang kepada kamu bibit-bibit yang kehitaman, gerombolan hitam seperti cahaya bumi dan pancaran dari

langit Tetapi alangkah hairannya hujan darahtelah turun dari langit dan alangkah azab akhirat akanbakal ditempuh.

Demikianlah pendirian Zainab Kubra 'a.s.terhadap penduduk Kufah yang berdepan dengan tanggungjawab menegakkanrevolusi Islam.PendirianZainab semakin mara ke hadapan selepas kesyahidan al-Husayn 'a.s. saudaranya dengan para pengikutnyadi dalam meng- hadapi kemungkaran dan kedurjanaan Yazid dan Rejim Umayyah.

Perhatikanpula ucapan puten Imam, al-Hussayn a.s. yang her- nama Fatimah binti Al-Husayn 'a.s.;

“Wahaipenduduk Kufah; wahai pendudukyang penuh dengan muslihat dan tipu daya. Sesungguhnya kami ahl bayt Rasulullah s.'a.w. telah diuji olehAllah dengan pendirian kamu yang curang.Kamu semuatelah membawa mala petaka kepada kami.Namun begitu segala dugaan itumembawa kebaikan kepada kami dan Allah mengurniakan ilmuNya kepada kami dankamilah perbendaharaan ilmu dan hikmat serta kami menjadi hujjah dan tandakebesaran Allah ku atas hamba-hambaNya Allah telah memuliakan kami dengankemuliaan kami Rasulullah s. 'a.w yang mempunyai kemuliaan mengatasi segalamakhluk Sebaliknya kamu mendustai memperdayakan kami dan kamu melihatpembunuhan ke atas kami sebagai halal dan harta benda kami dirampas. Kami se- olah-olah anak-anak yang ditinggalkan atau sebagaimanaunta-unta.Demikianlah sebagaimana datuk kami (ImamAli r.d telah kamu bunuh.Sesungguhnya pedang-pedangkamu telah mengalirkan darah-darah kami Ahl Bayt 'a.s untuk melepaskan dendamkesumnat kamu.Dalam keadaan itu mata kamu melihatdengan gembira dan hati-hati kamu merasa riang.Pembalasan yang setimpalakandijatuhkan oleh Allah ke atas kamu. Allah mempunyidi muslihat yang mengatasi tipu daya kamu.Janganlah membersihkan tangan kamu yang telah membawa kepadatumpahnya darah-darah kami.Apayang menimpakami merupakan kenyataan yang telah disebut oleh Al-Qur'an Sebenarnya menjadiperkara yang senang di sisi Allah untuk melepaskan kami daripadanya. FirmanAllah yang (bermaksud),”Usahlah merasa putus am di alas apayang luput daripada kamu dan janganlah pula terlalu bergembira dan bangga dengan .apa yang dikurniakan kepada kamu... sesungguhnya Allah tidak menyukaisetiap seseorang yang angkuh dan berbangga-bangga. Celakalah bagi kamu dantunggulah laknat dan azab Allah yang akanditimpakanke atas kamu. kecelakaan akan menimpa kamu seperti hujan langit sejajardengan apa yang kamu dustakan dan pengkhianat- an kamu, Lalu Allah menyempitkanjalan bagi kamu dan kamu kekal menderita di di dalam azab yang sungguh pedihpada hari qiamat sejajar dengan kezaliman yang telah kamu lakukan. Ketahuilahlaknat Allah akandikemukakan kepada golonganyang zalim.”

Demikianlah peranan dan sikap wanitalIslam dari keluarga Räsulullah s.'a.w di dalam pergerakan revolusi Islam yangdicetuskan oleh Imam al-Husayn 'a.s. Untukmemerhatikan pendirian jihad wanita Muslimah Ahli Bayt maka perhatikan ucapanSaidatina Zainab binti A1i bin Abu Talib 'a.s yang disampaikan

di hadapan Yazidbin Muawiyah di istana penguasa yang zalim itu. Serikandi Muslimah itumenegaskan;

Segalapuji itu tertentu bagi Allah Tuhan sekalian alám, selawat dan salamke atas Rasulullah s. 'a.w. dan ahli keluarganya:Benarlah firman Allah yang menegaskan;

Ertinya:“Kemudian, kejahatanlah akibat bagi orang-orang yang mengerjakan kejahatan,lantaran merèka mëndustakan ayat-ayat Allah dan mereka memperolok-olokkan(ayat-ayat Allah itu).” (dalamSurahar-Rum, ayat 10)

Adakahengkau menyangka wahai YAZID...! untukmelempar- kankami ke seluruh ceruk bumi dan rnebuangkami ke ufuk langit serta menjadikan kami binatang ternak yang dipandu. Adakah engkau rnenyangka bahawa kami terhina di sisi Allah danengkau menjadi mulia dengan perlakuan ini.Sungguh besar kedurjanaanmudi sisi Allah, walaupun dikau bergembira deagan keadaan ini tetapi engkaumemandang dunia penuh kekacauan dan segala urussanmu dalam kesempitan Walaupunengkau menguasai kami tetapi tunggulah dan tunggulah... Adakah engkau lupadengan firman Allah di dalam Al-Quran: (Surah A'li Imran ayat 178). Ertinya:“Dan janganlah orang-orang kafir itu menyangka, bahawa kami membiarkan merekaitu menganggap mereka lebih baik untuk diri-diri mereka. Kamitidak biarkan mereka melainkan supaya mereka bertambah dosa dan adalah bagimereka azab yang menghinakan.”Adakah engkau berlaku adil wahai anak golongan yang dita- wan??(Maksudnya golongan Tulaqa'ialah golongan yang ditawan oleh Rasulullah s.'a.w. pada tahun 8 hijrah ketika pembukaan Mak- kah, kerana Yazid adalahcucu Abu Sufyan yang ditawan oleh pihak Islam dan dilayan dengan baik olehRasulullah s. 'a.w Golongan kamutelah dibebaskan dan dilayan dengan baik suatu ketika dahulu tetapi engkau pulamenjadikan anak-anak perempuan Rasulullah s.'a.w sebagai tawanan yang dilayan dengan penghinaan dan digari ke belakang.Kami telah diseret dan satu negeri ke satu negen lain denganwajah-wajah kami yang terbukadan tercemar. Kami telah ditawan tanpa di sisi kami seorang pelindung dan kaumlelaki dan kami diseret bersama darah-darah pära syuhada'....”

“....SesungguhnyaAllah akan menghukum kamu dan Rasulul- lah s'a.w. akan memusuhi kamuserta Jibril akan menentang kamu dan kamu ..akanmengetahui kedudukan engkau yang membelenggu umat Islam dan seburuk-burukkeadaan bagi golongan yang melaku- kan kezaliman. Di manakahtempat yang seburuk-buruknya bagi kamu dan jalan yang menyesatkan.Walaupun dengan kekuasaanmu untuk menghina kami dan mata-mata kaummuslimin memandang pilu kepada kami dan hati-hati mereka bersimpati dengankami.Lakukanlah semahu engkau segala muslihat, demi Allah yang telahmemuliakan kami dengan wahyuNya, Al-Quran dan Nubuwah kamu

tidak akandapat mengatasi kami di sisi Allah dan kamu tidak akandapat menghapuskan kami. Semua yang engkau lihat akan binasadan hari-harimu boleh dihitung, tunggulah pada suatu hari di mana dipanggilméreka yang dipanggil dan laknat Allah itu ditujukan kepada orang yang zalim.”

Begitulahsebahagian dari catitan sejarah mengenai tokoh besar Islam cucunda Rasulullah s. 'a.w. iaitu al-Imam asy-SyahidHUSSAYN 'alaihissalain serta sekelumit mengenai perjuangan jihadnyamengembalikan kedaulatan dan kemurnian Islam sebagaimana katanya... “Hanyadengan kematianku dan darahku, kebenaran Islam dan Sunnah datukku MuhammadRasulullah s. 'a.w. dapat diper- tahankan...”Dan lagi katanya: ‘...Seandainya manusia mengetahui bahawa harta yangdicarinya akan hilang nescaya mereka akan mem- belanjakannya pada jalán Aliah,dan seandainya manusia menyadari bahawa nyawa mereka akan berpisah denganjasadnya nescaya mereka akan sanggup mati dicincang pada jalan ALLAH 'azza wajalla. Mudah-mudahan Allah SWT memasukkan kita ke dalampergerakan revolusi Islam al-Husayn 'a.s.yang menentang musuh-- musuh Allah dan menegakkan pemerintahan Allah danIslam di atas muka bumi ini.

ALLAHUAKBAR!